

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
DR. ROSLI BIN ZAKARIA,  
PENSYARAH SENIOR FAKULTI SENI DAN REKA BENTUK,  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM  
BIDANG SENI ARCA**

**ALIAH BINTI ZAHARUDIN**

**(2020978795)**

**NUR ARIF ASYIKIN BINTI MOHAMAD ALI**

**(2020970871)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC-JULAI 2021**

## ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	iv
	Rujukan Kata	v
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 – 2
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	3 – 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 – 7
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	8 – 12
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	13 – 92
6.0	Log Temubual	93 – 100
7.0	Ralat	101
8.0	Glosari	101 – 108
9.0	Indeks	109 – 111
10.0	Bibliografi	112 – 120
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, Sijil-sijil dan Bahan yang Berkaitan	121 – 129

## **ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan tentang seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang warisan seni penghasilan arca. Beliau gemar menyertai pertandingan, pameran-pameran dan telah pun memperolehi banyak anugerah sejak dari mula menceburi bidang penghasilan arca. Dalam era globalisasi tanpa limitasi ini, masih ada masyarakat pada masa kini yang tidak mengetahui tentang warisan seni dan tidak menyedari kewujudannya termasuklah dalam bidang seni arca ini. Temubual ini dijalankan selama 1 jam 50 minit bertempat di Kedai Bingkai Gambar, Masjid Tanah, Melaka pada 11 Mei 2021. Temubual ini didokumentasikan kepada masyarakat supaya mereka dapat mendapat informasi dan dapat memberikan pandangan mereka terhadap warisan seni dalam bidang arca khususnya. Sejarah lisan ini mengandungi sejarah, jenis arca, kepentingan, pencapaian, sumbangan, harapan selain membicarakan tentang perjalanan hidup dan pengalaman tokoh sepanjang menceburi bidang seni arca sejak tahun 90-an sehingga berjaya menjadi seorang pengarca berjaya yang semakin dikenali pada masa kini. Pendokumentasian daripada wawancara ini dapat membantu dan merungkaikan segala isu berkaitan dengan warisan seni arca. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharapkan agar semua golongan masyarakat dapat memahami dengan lebih dekat tentang warisan seni arca supaya dapat menghargai karya-karya yang dihasilkan oleh seniman seperti pengarca.*

Kata kunci : Sejarah lisan, Warisan, Warisan seni, Arca, Seni.

## **ABSTRACT**

*This transcript discusses a figure who is experienced in the field of artistic heritage of sculptural production. He enjoys participating in competitions, exhibitions and has already won many awards since the beginning he ventured into the field of sculpture production. In this era of globalization without limitations, there are still people today who do not know about the heritage of art and do not realize its existence, including in the field of sculpture. This interview was conducted for 1 hour 50 minutes at Kedai Bingkai Gambar, Masjid Tanah, Melaka on 11 May 2021. This interview was documented to the community so that they can get information and can give their views on artistic heritage in the field of sculpture in particular. This oral history contains the history, types of sculptures, interests, achievements, contributions, hopes as well as talking about the life journey and experiences of figures throughout the field of sculpture since the 90s to succeed in becoming a successful sculptor who is increasingly known today. Documentation from these interviews can help and resolve all issues related to the heritage of sculptural art. Through this oral history project as well, it is hoped that all communities can understand more closely about the heritage of sculpture so that they can appreciate the works produced by artists such as sculptors.*

**Keywords:** Oral history, Heritage, Art heritage, Sculpture, Art.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, pertama sekali kami ingin mengungkapkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, akhirnya kami dapat menyelesaikan tugas yang telah diberikan ini. Tugas ini memerlukan kami untuk membuat kajian tentang warisan seni, dan kami telah memilih untuk merungkai isu seni arca, Kami melakukan tugas ini telah dilakukan dengan sehabis baik berdasarkan segala maklumat yang kami peroleh walaupun ada sedikit masalah yang muncul pada saat-saat akhir namun, semua masalah dapat kami uruskan dan menyelesaikannya dengan bijak.

Ucapan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah IMR604 (*Oral Documentation*) kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana banyak membantu kami menyiapkan tugas ini. Beliau sentiasa memberikan sumbangan, semangat dan dorongan kepada kami dalam usaha menyiapkan tugas ini. Tanpa panduannya, mungkin tugas yang diberi tidak dapat kami laksanakan dengan baik.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada tokoh dalam bidang warisan seni arca yang kami pilih kerana beliau sudi meluangkan masa untuk berkongsi maklumat dan ditemubual iaitu Dr. Rosli Zakaria. Kami memperoleh banyak input daripada penceritaan dan perkongsian maklumat yang disampaikan oleh tokoh. Kerjasama dari pihak Dr. Rosli Zakaria amatlah kami hargai.

Sebagai tambahan, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami kerana telah menyokong dari segi mental dan fizikal untuk menyelesaikan tugas ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih khas kepada rakan sekelas kami kerana banyak membantu sekiranya ada perkara yang kami tidak ketahui. Kami berharap hasil kajian ini akan memberikan impak yang positif kepada semua pihak dan berguna untuk masa kini dan juga masa akan datang.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CM	Construction Management
CPU	One of a kind art (Seni yang indah dan unik)
FB	Facebook
ITM	Institut Teknologi MARA
KIV	Keep in View
MASSCOMM	Mass Communication
MCO	Movement Control Order
PH	Pakatan Harapan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Televisyen
UITM	Universiti Teknologi MARA
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

## **SENARAI SINGKATAN**

**AZ: ALIAH BINTI ZAHARUDIN**

**NAA: NUR ARIF ASYIKIN BINTI MOHAMAD ALI**

**RZ: ROSLI BIN ZAKARIA**

## RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Amik	Ambil
Atuk	Datuk
Bapak	Bapa
Bawak	Bawa
Belom	Belum
Besok	Esok
Bukak	Buka
Carik	Cari
Dah	Sudah
Eksen	Berlagak
Gah	Besar
Gak	Juga
Gitu	Begitu
Ha'ah	Ya
Jap	Sekejap
Je	Saja
Jugak	Juga
Kat	Dekat
Kate	Kata
Kau	Engkau
Kecik	Kecil
Korang	Engkau orang
Lepas tu	Selepas itu



Nak	Hendak
Nau	Sangat
Ni	Ini
Pegi	Pergi
Pikir	Fikir
Rimau	Harimau
Sape	Siapa
Sorang	Seorang
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Takkan	Tidak akan
Taknak	Tidak hendak
Takpe	Tidak mengapa
Takyah	Tidak perlu
Tapi	Tetapi
Tu	Itu

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



<b>Nama</b>	Aliah Binti Zaharudin
<b>Tarikh Lahir</b>	7 September 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Melaka
<b>Alamat</b>	Pt 15146, Jalan 21, Taman Desa Cempaka 2, 71800, Nilai Negeri Sembilan
<b>No. Telefon</b>	013-5332943
<b>Email</b>	aliahz0709@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



<b>Nama</b>	Nur Arif Asyikin Binti Mohamad Ali
<b>Tarikh Lahir</b>	12 Januari 1999
<b>Tempat Lahir</b>	Hospital Mentakab
<b>Alamat</b>	No. 144 1/1 Jalan Tualang Indah, Taman Tualang Indah, 28400 Mentakab, Pahang
<b>No. Telefon</b>	012-6203804/ 017-3786584
<b>Email</b>	asyikin3804@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA  
TOKOH

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



<b>Nama</b>	Rosli Bin Zakaria
<b>Tarikh Lahir</b>	27 Ogos 1964
<b>Tempat Lahir</b>	Kluang, Johor
<b>Alamat</b>	Faculty Art and Design, UiTM Melaka Kampus Alor Gajah 78000, Alor Gajah Melaka, Malaysia
<b>No. Telefon</b>	012-7665529
<b>Email</b>	roslizakaria@Yahoo.com
<b>Profesion</b>	Pengarca, Pensyarah
<b>Bidang</b>	Pengarca Awam, Pensyarah kanan dalam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

## 2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Dr. Rosli Bin Zakaria, nama penuh beliau. Berusia 57 Tahun dan dilahirkan pada 27 ogos 1964 di Kluang, Johor. Beliau merupakan seorang pengarca yang mempunyai 9 tahun pengalaman dalam bidang arca. Selain itu, beliau merupakan seorang pensyarah senior Fakulti Seni dan Reka Bentuk di UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah. Kelayakan akademik beliau seperti Sijil Perguruan, Kolej Latihan Teachers, MPTI, Johor (1983-1985), Diploma dalam seni FINE, Institut Teknologi MARA, Shah Alam (1994), Pendidikan Seni dan Reka Bentuk PGD. UiTM/ De Montfort UK (2000), M.A. Art and Design Education UiTM/ De Montfort UK. (2001) dan PhD. Pengurusan Seni (Arca Awam), UKM (2013). Beliau mula mendapat anugerah seni pada tahun 1991 ketika beliau berusia 27 tahun dan telah berkecimpung dalam menghasilkan projek seni arca awam sejak tahun 1998 iaitu Keris Laksamana yang terletak di Kota Tinggi, Johor. Penglibatan aktif dalam bidang seni arca awam, terlibat dalam pameran peringkat Kebangsaan dan menghadiri symposium arca awam di peringkat antarabangsa. Beliau turut dijemput untuk memberi pandangan berkaitan kesenian di seluruh Malaysia. Tambahan pula, beliau memperoleh anugerah dalam pelbagai pertandingan selain mendapat commission berkaitan pembinaan arca awam di Malaysia.

SEJARAH  
LISAN



### 3.0 SEJARAH LISAN

#### 3.1 Pengenalan

Arca merupakan satu bentuk hasil seni yang unik dan bersifat tiga dimensi hasil daripada sebuah lakaran dua dimensi (Burhanuddin Bakri, 2020) Ia boleh dilihat menggunakan mata kasar dari pelbagai sudut dan arca juga boleh dirasai menggunakan deria sentuhan. Perkataan arca dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *sculpture* (Ramli Abdullah, 2018) manakala istilah arca ini berasal dari bahasa Latin iaitu perkataan “sculpere” yang membawa maksud kepada satu proses mengukir, melarik, memotong atau mengguris. Pengarca menghasilkan seni arca yang bersifat sama ada realis mahupun abstrak. Arca realis berbentuk tidak ubah seperti objek sebenar jadi ia lebih mudah difahami oleh orang yang melihatnya seperti patung manusia manakala arca abstrak pula memerlukan daya pemikiran yang kritis untuk memahami bentuk dan maksud sesuatu hasil seni tersebut. Dalam zaman greek, bentuk tubuh manusia juga dianggap arca yang meliputi susunan fizikal iaitu harmonis, seimbang dan perhubungan jitu dalam keseluruhan bahagian (Hafiz Mohd Nordin, 2009).

Menurut (Rosli Zakaria, 2021) arca boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu arca estetik dan arca berfungsi. Tambahannya lagi, arca estetik mempunyai nilai intelektual dan banyak diletakkan di ruangan galeri untuk dijadikan pameran dan tatapan orang ramai dan bagi arca berfungsi pula mempunyai nilai yang sangat besar kerana ia dihasilkan untuk sesuatu tujuan tertentu. Kebiasaannya, arca dapat dilihat di kawasan yang terbuka dan menjadi tempat tarikan orang ramai seperti di muzium, taman permainan dan banyak lagi (Aini Mawawi, 2019).

Seni pembuatan arca ini telah wujud dan amat terkenal sejak zaman dahulu kala. Walaubagaimanapun, tradisi ini kian dilupakan dan tidak diambil endah oleh kebanyakan masyarakat pada masa kini. Oleh itu, pelbagai pihak perlu berganding bahu bagi memikirkan kaedah untuk membuka mata orang ramai tentang betapa pentingnya untuk menghargai seni warisan sesebuah negara bangsa seperti seni arca ini supaya tidak ditelan zaman. Pembinaan arca dapat menambah nilai persekitaran tidak kira sama ada arca tersebut berada di luar mahupun di dalam dan pada masa yang sama ia juga menjadi simbol kejayaan atau kekuatan sesebuah syarikat (Rosli Zakaria, 2019). Tambahan beliau lagi,

estetika luaran akan diperlihatkan namun tetap terkandung maksud yang tersirat mewakili aspirasi kerajaan sekiranya sebuah arca awam dibina di atas kehendak kerajaan.

Penghasilan arca ini perlu untuk diteruskan dari generasi ke generasi. Hal ini kerana, bidang arca ini bukan hanya sekadar hasil seni semata-mata tetapi dengannya juga membantu untuk menjana pendapatan seseorang. Bukan itu sahaja, menjadi seorang pengarca juga sebenarnya mempunyai masa depan (Hafiz Ithnin, 2018). Walaubagaimanapun, tradisi ini kian dilupakan oleh kebanyakan masyarakat. Berdasarkan (Andy Sabang, 2014), tradisi seni dan warisan ini kini kian pupus dalam generasi baharu berpunca daripada kepesatan kemajuan teknologi. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu bagi merancang dan melaksanakan program-program yang dapat membuka mata masyarakat seperti anjuran kempen kesedaran tentang kepentingan mewarisi warisan seni oleh pihak kerajaan. Usaha yang perlu dilaksanakan itu bertujuan bagi memastikan tradisi tidak ditelan zaman, maka sejarah lisan ini perlu dilaksanakan.

### 3.2 Objektif Sejarah Lisan

Objektif kajian ini dalam bidang arca awam adalah:-

- Untuk mengkaji ilmu pengetahuan tentang kepentingan arca awam.
- Untuk menyelidiki punca arca awam tidak lagi dihargai.
- Untuk mendalami ilmu tentang arca awam.

### 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Terdapat pelbagai kepentingan dalam bidang arca, iaitu semua masyarakat boleh menggunakan bahan kajian ini sebagai sumber rujukan untuk mendalami tentang tradisi arca. Sebagai contoh ialah sejarah arca, cara pembuatan arca, keunikan arca, dan lain-lain. Selain itu, meletakkan harapan lebih ramai orang atau Institusi mengangkat karya ini supaya pengarca lebih dihargai dan paling penting dapat membantu golongan pengkarya seni arca untuk menjadikan bidang ini satu kerjaya yang setanding dengan bidang lain. Selain itu, perkembangan ilmu dengan menyumbang semula kepada warisan seni arca untuk dijadikan sebagai rujukan generasi pada masa kini dan akan datang. Oleh itu, memberikan pendedahan tentang sejarah seni arca tanah air untuk memberikan pemahaman tentang perbezaan fungsi arca silam dan arca kontemporari.

Namun begitu, negara mampu menyumbang kepada warisan negara. Hasil kajian ini boleh dijadikan bahan terbitan untuk negara (mengandungi maklumat tentang tokoh warisan seni yang patut dibanggakan). Memberi sumbangan kepada negara tentang perkembangan seni arca kontemporari, memandangkan bahan rujukan mengenainya amat kurang sekali. Organisasi juga adalah salah satu kepentingan seni arca awam untuk membantu organisasi malakar reka bentuk bangunan yang dapat mewujudkan ruang terbuka dan aktif yang bertujuan untuk mendekatkan orang ramai dengan alam semula jadi, dalam usaha untuk memupuk inovasi dan kreativiti.

KAJIAN  
LITERATUR

## 4.0 KAJIAN LITERATUR

### 4.1 Topik 1 Warisan Seni

Ketamadunan sesebuah bangsa dalam sesebuah negara dapat dilihat melalui warisan seni dan budayanya (BERNAMA, 2016). Warisan seni dan budaya pula berkait rapat dengan amalan dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum seperti pakaian, makanan, adat, seni dan banyak lain (Hafedah Jamiyil, 2021). Mengikut Jabatan Warisan Negara, warisan merupakan sesuatu ilmu turun temurun yang disampaikan oleh satu generasi kepada generasi yang lain.

Pembangunan kesenian yang menjadi dimensi penting kebudayaan bangsa tidak harus dilihat dengan mentaliti usang sebagai sesuatu yang terpisah dan tidak sepenting politik dan ekonomi, (Rosli Zakaria et al., 2013). Jelaslah bahawa seni dikatakan suatu wadah kepada keseluruhan ilmu dan pemikiran manusia. Setiap masyarakat seharusnya mengambil tahu tentang warisan seni budaya. Hal ini kerana, warisan budaya mempunyai identiti tersendiri dan ianya perlu dikekalkan sampai bila-bila (Andrew Shilling, 2014). Perkara ini dapat diperkukuhkan lagi berdasarkan petikan di dalam (Julia M, 2019) yang mengatakan bahawa warisan dan budaya dalam sesebuah negara adalah khazanah yang terlalu berharga yang perlu dilindungi dan dipelihara supaya dapat menjadi kebanggaan seluruh masyarakat. Oleh itu, warisan tradisional ini perlu diwarisi kepada generasi muda supaya tradisi tidak ditelan zaman serta seni jiwa bangsa dapat dihayati sebaiknya (Buletin Mutiara, 2018). Walaubagaimanapun, banyak kaedah dan saranan yang perlu diusahakan oleh pelbagai pihak bagi memastikan warisan seni ini dikenali oleh seluruh masyarakat.

Rosnan Abdul Rahman (2016), telah memberi saranan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar mewujudkan subjek seni dan budaya di sekolah bertujuan bagi memupuk minat murid sejak dari kecil kerana mereka boleh memahami, mengenali dan menghayati warisan seni dan budaya dalam sesebuah negara. Perkara ini selari dengan pendapat (Khairul Anam Md Khairul, 2017) agar usaha memupuk minat dan semangat cinta akan seni budaya dan warisan bangsa perlu dipupuk seawal peringkat sekolah rendah. Pendedahan yang diberikan sejak awal amat penting bagi memastikan keunikan budaya dan adat resam dalam sesebuah negara kekal terpelihara dengan baik (Datuk Abdul Mutalif Abdul Rahim, 2017). Pendedahan tentang warisan seni dan budaya ini bukan sahaja perlu diberikan kepada anak-anak sejak kecil namun kepada semua

masyarakat berbilang kaum yang datangnya dari pelbagai peringkat usia. (Rosli Zakaria et al., 2013) berpendapat bahawa mendidik masyarakat untuk mendekati diri terhadap kesenian turut boleh digerakkan menerusi pelbagai kaedah antaranya aktiviti kesenian, pameran, ceramah, seminar, bengkel, penulisan dan pembacaan.

Kesimpulannya, warisan seni dan budaya melambangkan identiti sesebuah kaum, bangsa dan negara. Walaupun tamadun masyarakat berubah dari semasa ke semasa, pengalaman silam menjadi teladan dan tidak boleh dilupakan begitu saja kerana ia penting untuk diingati terutama sebagai pengajaran dan pembelajaran khususnya pada generasi muda (Hafiz Ithnin, 2018). Oleh itu, semua masyarakat berperanan untuk memastikan warisan seni turun temurun yang datangnya dari nenek moyang kita perlu dipelihara dan dikekalkan supaya tidak pupus ditelan zaman, dapat diwarisi oleh generasi akan datang (Hafedah Jamiyil, 2021).

#### 4.2 Topik 2 - Kesenian Arca

Kebiasaannya arca dicipta melalui tempahan untuk memperingati sesuatu peristiwa bersejarah atau berkaitan kehidupan seseorang tokoh (Sahhir Yakib, 2007). Penghasilan arca bertujuan sebagai seni awam yang dipamerkan di luar bangunan, namun terdapat juga segelintir dipamerkan di dalam bangunan awam untuk menegaskan sesuatu cara yang lebih ketara daripada apa yang boleh ditekankan melalui penggunaan perkataan (Hafiz Mohd Nordin, 2009). Menurut (Hein, 2002; Chang, 2008; Hall dan Robertson, 2001) seni awam bertujuan sebagai hiasan bagi menarik pengunjung, mencipta identiti sesebuah tempat, mempromosikan kebanggaan sivik dan banyak lagi. Tambahan lagi, dasar seni awam biasanya melibatkan estetik fizikal, ekonomi, politik, simbolik budaya, dan tuntutan sosial (Zebracki, 2011). Walaubagaimanapun, seni awam seperti arca yang telah dihasilkan perlu dijaga dengan baik kerana ianya boleh rosak disebabkan oleh keadaan persekitaran dan cara pengendalian yang kurang cekap (L.K. Herrera, S. Le Borgne, & H.A. Videla).

Pada tahun 1990an menampakkan perkembangan menarik kepada karya Arca Awam secara jelasnya pihak kerajaan mahupun swasta yang menginginkan identiti mereka diolah dalam bentuk arca awam, malahan kewujudan arca awam tersebut mampu menjadi alat untuk mengekspresikan sesuatu yang menjadi pegangan sesebuah organisasi swasta mahupun dasar-dasar kerajaan (Rosli Zakaria, 2019). Seni arca di Malaysia telah lama

wujud, buktinya seperti arca Jah Hut di Pahang dan Mahmeri di Selangor, Batu Acheh di Johor dan Rembau, Batu Bersurat di Pengkalan Kempas dan Terangganu serta Kelirieng (tiang kubur) di Sarawak (Marina Terusan, 2006). Pada tahun 1976, Balai Seni Negara telah berjaya mengadakan pameran seni arca yang pertama yang mampu dibanggakan (Ramlan Abdullah, 2018).

Perkataan arca berasal daripada perkataan *sculpture* yang beerti mengukir, memotong, menebuk, atau melarik (Hafiz Mohd Nordin, 2009). Seni arca merupakan hasil produk 3 dimensi dimana permukaannya dapat disentuh dan dilihat daripada pelbagai sudut (Ramlan Abdullah, 2018). Kelompok seniman generasi pertama ini telah meneroka dan membangunkan seni arca negara sekitar tahun 60-an (Zainuddin Abindinhazir & Abdul Aziz Zali, 2017) dan dari situ mula bertapaknya aktiviti pameran arca moden di Malaysia dan terus berkembang hingga ke arena kontemporari dekad ini. Arca adalah susunan jisim sebenar yang teratur yang wujud di dalam ruang yang nyata dan secara ringkasnya, unsur plastik seni arca adalah bentuk, ruang, garis, bahan dan jalinan (Marina Terusan, 2006). Seni arca awam boleh dimengertikan sebagai sebuah hasil seni yang diletakkan diruang terbuka dan kegiatan ini lebih tertumpu di luar sistem galeri, penghayatan lebih bertumpu kepada masyarakat secara terbuka, bersifat kekal dan mementingkan keperluan tertentu untuk memastikan kewujudannya bersesuaian dengan faktor cuaca, keselamatan dan penyelenggaraan (Aizat Amir, 2018). Definisi ini juga turut dikaitkan dengan kepentingan arca.

Kategori arca terbahagi kepada dua iaitu arca estetik dan arca berfungsi (Mdrazi, 2012). Arca estetik merupakan arca yang diperagakan dengan tujuan nilai keindahan sahaja dan mempunyai nilai intelek yang amat tinggi untuk difahami (Ramlan Abdullah, 2018). Menurut (W.M.Z. Wan Yaacob et al., 2016) aspek estetika nilai-nilai patriotisme dapat dihayati melalui reka bentuk arca berepresntasi figure yang dinamik yang dapat dimanifistasikan sebagai peningkatan semangat waja. Permukaan arca boleh dipegang dan arca boleh dipandang dari pelbagai sudut pandangan, (Hafiz Mohd Nordin, 2009) untuk penambahan pengetahuan arca terdapat dalam bentuk realistik atau bentuk abstrak. Penulisan nilai aspek formalistik termasuk keseimbangan, struktur yang dinamik, kepelbagaian elemen, keharmonian warna dan bentuk berperang untuk melonjakkan nilai-nilai estetika arca (W.M.Z. Wan Yaacob et al., 2016). Arca berfungsi boleh diguna pakai

sebagai tempat permainan kanak-kanak, alat ritual untuk penyembahan dan keagamaan juga memenuhi keperluan domestik (Mradzi, 2012). Penemuan batu Menhir di Pengkalan Kempas membuktikan seni arca telah lama wujud di negara kita yang pada ketika itu berfungsi sebagai objek tiga dimensi untuk penyembahan (Marina Terusan, 2006). Namun, mengetengahkan karya arca adalah satu medium pengucapan yang berkesan (Akbar Saman, 2009). Arca gangsa era pasca-Neolitik dari suku kaum kanyan-kenyah, Sungai Rejang, Sarawak telah dikategorikan dalam kelas ‘ ‘ Dong Son Type’ dan dihasilkan pada zaman gangsa (Zainuddin Abindinhazir et al., 2015).

Pembacaan lanjut terdapat beberapa jenis arca yang perlu diketahui seperti asemblaj, binaan, luakan, timbulan, acuan, mobile, instalasi, dinding dan stabail (Ramlan Abdullah, 2018). Arca asemblaj adalah himpunan bahan-bahan yang disusun dan mempunyai daya estatik ataupun cara peletakan yang menimbulkan suatu makna (Azham Abdul Hamid, 2012). Arca asemblaj ini juga dihasilkan dengan cantuman bahan-bahan yang berlainan sehingga menjadi rupa bentuk mengikut perancangan pengarca (Adli Udin, 2014). Arca jenis binaan boleh dibina berasaskan teknik kerangka atau tidak berkerangka di mana untuk kerangka struktur asas atau bahagian dalaman biasanya diperbuat daripada dawai dan keluli manakala arca binaan tanpa kerangka dibina berasaskan cantuman bahan-bahan seperti logam yang dicantum samada secara pateri atau kimpalan (Azham Abdul Hamid, 2012). Arca jenis luakan ini dihasilkan dengan menggunakan bahan seperti tanah liat, kayu atau plaster of paris iaitu bahan yang mudah diluakan untuk mendapatkan bentuk tertentu (Adli Udin, 2014). Jenis arca timbulan adalah kombinasi antara ciri-ciri catan dan arca yang dihasilkan dengan memotong, memahat atau mengorek keluar latar belakang yang mengelilingi figura yang memberi kesan timbul dari permukaan dan kelihatan menarik (Muhamad Sallehuddin, 2014). Arca jenis acuan menggunakan bahan cecair yang dituangkan ke dalam acuan yang dibentuk khas terlebih dahulu yang boleh menghasilkan arca dalam kuantiti yang besar yang menggunakan bahan cair yang dikeraskan seperti plastik, logam, simen, tanah liat dan plaster paris (Aizat Amir, 2018). Arca jenis mobail atau kinetik biasanya bergantung dengan penggunaan tali temali yang berfungsi apabila ditiup angin dan tali tersebut berfungsi supaya dapat digantung dan memerlukan keseimbangan juga ketabilan (Adli Udin, 2014). Arca mobail boleh bergerak sendiri, berputa, berombak dan biasanya terawang-awang (Muhamad Sallehuddin, 2014). Arca



instalasi adalah arca yang berbentuk 3 dimensi yang menggabungkan semua elemen seni, arca ini melibatkan pemasangan dan bermain dengan ruang dan selalunya berulang-ulang (Aizat Amir, 2018). Arca instalasi di susun dengan konsep tertentu untuk menyampaikan mesej dan diistilahkan dengan seni persembahan atau pemasangan (Munirah Hussin, 2014). Arca jenis dinding ini merupakan satu kaitan rapat dengan arca jenis timbulan cuma ianya adalah satu rekaan arca untuk diletakkan di dinding (Adli Udin, 2014). Arca dinding juga adalah integrasi antara catan dan arca yang dihasilkan diatas permukaan kayu dan terlekat di dinding namun arca dinding dihasilkan di atas kepingan kayu atau bangunan dan sebagai hiasan di meja, dinding atau digantung pada syiling (Azham Abdul Hamid, 2012). Arca jenis stabail boleh berdiri dengan sendiri kerana kedudukannya yang seimbang di atas sesuatu permukaan, dengan menggunakan bahan-bahan kitar semula apabila dicantumkan antara satu sama lain dengan menggunakan teknik yang sesuai (Munirah Hussin, 2014).

Kaedah asas membentuk arca termasuk manipulasi, binaan, luakan dan acuan (Ramlan Abdullah, 2018) manipulasi yang membentuk arca dengan menggunakan kemahiran tangan seperti pembuatan model dan bahan yang diguna pakai seperti tin, dawai, doh dan tanah liat boleh digunakan untuk penghasilan arca tiga dimensi. Arca tuangan melibatkan penggunaan cecair logam yang dituangkan ke dalam acuan yang disediakan khas berdasarkan bentuk-bentuk yang dikehendaki oleh pengarca (Marina Terusan, 2006). Penemuan arca figura 'Imun Ajo' menunjukkan hasil seni berasaskan logam melalui kaedah 'tuangan' yang paling teliti buatannya di Borneo (Zainuddin Abindinhazir et al., 2015). Seni tanah adalah satu bentuk seni yang dicipta di alam, menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti tanah, rock (batuan), media organik (balak, cawangan, daun) dan air dengan bahan-bahan yang diperkenalkan seperti konkrit, logam, asfalt atau mineral pigmen (Aizat Amir, 2018). Arca luakan diperbuat daripada bongkah kayu, batu, tanah liat dan plaster of paris dan menggunakan peralatan seperti pahat, kapak, pemukul, gergaji serta alat pengukir (Munirah Hussin, 2014).

TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH

## **5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH**

### Skrip pembuka

**Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni arca. Bersama-sama kami adalah Dr. Rosli bin Zakaria (Bunyi hon) yang merupakan seorang pensyarah di Universiti Teknologi MARA Lendu, Alor Gajah, Melaka. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Mei 2021 bersamaan dengan hari selasa pada pukul 10 pagi bertempat di Kedai Bingkai Gambar, Masjid Tanah. Temubual ini dikendali oleh (Pergerakan tangan) Aliah binti Zaharudin dan juga Nur Arif Asyikin binti Mohamad Ali. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

**AZ : Bismillahirrahmanirrahim. Encik Zakaria [sic, Encik Rosli Zakaria], boleh tak kami --. boleh perkenalkan diri?**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan jari di bibir) Bukan Zakaria. Rosli Zakaria.

**AZ : Eh, Rosli Zakaria. Maaf. (Ketawa).**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan jari di bibir) Takpe. (Ketawa kecil), (Bercakap sambil mengusap tangan) Perkenalkan diri lagi? Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullah. Saya Rosli bin Zakaria (Bunyi klik pen). Seorang pengarca dalam waktu yang sama saya jugak seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka [Melaka, Malaysia]. Berada dalam jawatan ataupun Fakulti Seni Lukis Seni Reka [Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka] dan saya jugak mengajar bidang seni arca. Di samping itu jugak, saya mengajar bidang lain seperti bidang teori. *So* [Jadi], itulah *basically* [secara asasnya] selama lima tahun ke --. (Membuat pergerakan tangan) terkebelakang ni saya mengajar dua subjek yang utama, (Bunyi angin) seni arca dan jugak teori penulisan.

**AZ : (Mengangguk kemudian memandang ke arah tokoh)(Bunyi angin) Berapa umur Encik?**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan jari di bibir) Umur? Kira sendiri patut (Ketawa kecil).

**AZ : (Ketawa kecil).**

RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Umur saya --. Saya lahir tahun enam puluh empat [64], sekarang ni lima puluh tujuh [57]. Lima puluh tujuh [57] akan menjejaki lima puluh lapan [58] untuk *next year* [tahun hadapan].

**AZ : (Bertanya sambil memandang ke arah tokoh) Encik dilahirkan di mana? Asal [sic, Berasal] dari Johor [Malaysia] ke? Melaka [Malaysia] ke?**

RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Saya dilahirkan di Kluang, Saya dibesarkan di Kluang, Johor [Malaysia]. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Ulu Tiram [sic, Sekolah Kebangsaan Ulu Tiram][Johor, Malaysia]

seterusnya di Kota Tinggi [Johor, Malaysia] dan jugak pada awalnya selepas habis SPM saya melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Tengku Ibrahim [Johor, Malaysia]. Saya (Bunyi hon) bertugas sebagai seorang guru ataupun guru pelatih di mana ketika itu saya dah mula (Bunyi hon) me - memilih option [pilihan] (Gangguan bunyi hon) ataupun bidang seni lukis di mana dalam - - di Maktab Perguruan itu saya berada dalam kursus Pendidikan Seni dan Pengajian Melayu. (Gangguan bunyi ketukan) Itu Pendidikan awal saya dan saya bertugas sebagai seorang guru selepas setahun sebab saya berada di Maktab tahun lapan puluh tiga [83], lapan puluh lima [85] dan lapan puluh enam [86] (Membetulan cermin mata menggunakan jari) saya mula bekerja (Gangguan bunyi) sebagai seorang guru di Sabak Bernam [Selangor, Malaysia]. Sekolah Menengah Munshi Abdullah [sic, Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah], Sabak Bernam [Selangor, Malaysia] dan saya (Gangguan bunyi)(bercakap sambil memegang dagu) ditukarkan ke Sekolah Menengah Lembah Keramat [sic, Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Keramat][Kuala Lumpur, Malaysia] seterusnya saya melanjutkan (Gangguan bunyi) pelajaran ke peringkat *Degree* [Ijazah Sarjana Muda] di ITM ketika itu tahun sembilan puluh [90] hingga sembilan puluh empat [94] dan saya menamatkan pengajian di peringkat Diploma tahun sembilan puluh li -- sembilan puluh empat dan saya kembali ke bidang pendidikan di sekolah di Kuala Lumpur [Malaysia], Sekolah Menengah Selayang [Selangor, Malaysia] kemudian saya (Bunyi ketukan) *further* [lanjutan] lagi ketika itu untuk buat *Master* [Ijazah Sarjana] saya (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) tahun sembilan puluh enam [96] secara separuh masa ataupun jarak jauh (Bunyi ketukan) dan akhirnya saya mendapat *Master* [Ijazah Sarjana] tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan [1999] atau tahun dua ribu [2000] gitu dan saya ditawarkan untuk (Gangguan bunyi ketukan) ke jawatan pensyarah di Fakulti Seni Lukis Seni Reka di UiTM Shah Alam [Selangor, Malaysia] dan tahun dua ribu dua [2002] lah senang cerita saya bermula sebagai seorang pensyarah di UiTM (Meletak tangan di kaki)(Bunyi ketukan) dan semasa saya bertugas sebagai seorang pensyarah ni, saya diberi peluang untuk melanjutkan di peringkat *PhD* [Doktor Falsafah] saya (Menepuk betis) dalam bidang (Pergerakan tangan) seni arca awam, seni arca awam pengkhususan saya di bawah Fakulti Sosial

dan Kemasyarakatan di UKM, Bangi [Selangor, Malaysia] dan saya menamatkan (Bunyi ketukan) *PhD* [Doktor Falsafah] saya tahun dua ribu dua belas [2012] di sana, di dalam bidang seni arca awam khususnya kajian saya, *thesis* [tesis] saya tu (Gangguan bunyi) melihat perkembangan seni arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur [Kuala Lumpur, Malaysia] secara khususnya. (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) *So* [Jadi], dekat sini sekarang lah saya meneruskan perkhidmatan saya sebagai seorang pensyarah dan jugak dalam waktu yang sama saya bergiat cergas dalam bidang seni arca itu sendiri. (Pergerakan tangan) Dah rangkum sekali dah, takyah tanya banyak sangat (Ketawa kecil).

**AZ : (Bertanya sambil memandang ke arah tokoh dan membuat sedikit gerakan tangan)  
Seterusnya, apakah moto dan prinsip hidup Encik?**

RZ : Moto eh.

**NAA dan AZ : (Mengangguk).**

RZ :(Berfikir). Saya masih ingat soal tangga, (bercakap sambil meletakkan jari di pipi) tangga kecik-kecik kita \_ \_ \_ \_ \_ dengan tangga. Tangga kejayaan katanya kan

**NAA : Ya, betul (Mengangguk).**

RZ :(Bercakap sambil meletakkan jari di pipi) Tangga kejayaan. Maksudnya, untuk mendapatkan kejayaan itu kita perlu mendaki ataupun dalam erti kata yang mudah kita kena bersungguh-sungguh. *So* [Jadi], saya - - punya bukanlah moto sangat. Saya suka buat kerja bersungguh-sungguh (pergerakan tangan) dalam bidang apa je kan dan akhirnya dia dapat hasil. Itu yang pertama, (mengusik tali pelitup muka dan hidung) yang keduanya saya pikir semua manusia ni terutamanya (Gangguan bunyi ketukan) manusia, nama orang ni dia mungkin ada pegangan lah macam kita ni tak lari kita punya kitab lah kan al-Quran dan Hadis tu. Saya pikir dengan pegangan itu rupanya macam-macam kita boleh berjaya. *So* [Jadi], moto kita ialah al-Quran dan Hadis (Ketawa kecil) moto utama kita kan. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Contohnya ketika saya kecil-kecil dulu, saya suka berdoa cara orang bodoh lah kan. Bahasa arab tak pandai sangat kan, angkat tangan doa “ya Allah ya Tuhanku

berikan aku kejayaan, berilah aku itu” akhirnya dia dapat sebab kita ikhlas mungkin, masa tu budak-budak lagi kan. Sembahyang lima waktu tu kita doa je kan akhirnya dapat. *So* [Jadi], kesungguhan pertama (Bunyi klik pen) yang kedua tu kita selalu berserahlah ataupun selalu meminta. (Bunyi ketukan)(Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Ada kitab macam tu. Itu motto - - bukanlah moto sangat, itu mungkin cara saya berfikir sampai sekarang. Macam tu.

**AZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Kiranya pegang pada satu prinsip al-Quran, Hadis (Mengangguk).**

RZ : (Mengangguk) Bersungguh-sungguh, kerja sungguh-sungguh lepas tu ada panduan lah gitu

**AZ : Seterusnya, boleh tak Encik se - - (Pergerakan tangan) ceritakan serba sedikit tentang keluarga Encik?**

RZ : Keluarga saya?

**AZ : (Bercakap sambil pandang ke arah tokoh dan membuat sedikit pergerakan tangan) Ibu encik, ayah.**

RZ : Ok. (Bercakap sambil tangan mengusik bibir) Saya tadi nak - - tak cerita tadi saya dibesarkan di Felda. Saya ni anak Felda, di Felda Semenuh Kota Tinggi Johor [Johor, Malaysia] oleh bapa saya Zakaria. Bapa saya dan seorang ibu saya, adik beradik saya seramai tiga [3] orang. (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Saya yang *last* [terakhir], (Gangguan bunyi ketukan) yang bongsu dan saya bersekolah - - saya kehidupan saya ketika bersekolah tu *totally* [keseluruhannya] di Felda. Di peringkat awal saja saya duduk di \_ sebenarnya lepas tu saya berpindah ke Felda. Jadi, kehidupan saya satu [1] keluarga ni tidaklah semewah orang sekarang kan - - dulu yelah biasa lah ni kalau cite pun macam *clique* [klise] tapi kalau pedalaman, (Gangguan bunyi ketukan) peneroka ke mungkin dia punya cara hidupnya cara yang sederhana dan boleh dikatakan miskin jugak lah ketika itu tahun tujuh puluh [70] -an namun yang kayanya ialah kita ini hendak belajar. Tu la kan. Miskin harta tapi.

**NAA : (Menyampuk) Kemahuan - -**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan jari di pipi) Kemahuan tu ada tapi antara ke-lemahan jugak di Felda tu saya lihat di mana beberapa subjek agak tertinggal contohnya *Mathematics* [Matematik], *Science* [Sains] dan jugak *English* [Inggeris] sebab Felda ni dia penekanan tu kurang, mungkin sekarang dah berubah, zaman saya dulu macam tu maknanya bila itu saya

**NAA : (Menyampuk sambil membuat sedikit pergerakan tangan) Kiranya subjek yang Encik sebutkan tadi tu takde?**

RZ : (Bercakap sambil membuat sedikit pergerakan tangan) Ada (mengangguk) tapi masih penekanan. Jadi mak bapak [sic, bapa] pun tak cakap kadang-kadang kalau *tuition* [kelas tambahan] jauh sekali lah zaman-zaman tu. Jadi maknanya bila itu me - - itulah faktor yang menyebabkan saya bergerak ke bidang yang lain. Kita tidak *excellent* [cemerlang] ke bidang itu kan, matematik tak *excellent* [cemerlang], sains tak *excellent* [cemerlang] sekadar kepujian orang dapat A saya dapat B, C itu je kan. Jadi saya tengok bidang yang lain saya boleh pegi jauh dalam bidang *art* [seni] pulak. (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Jadi keluarga saya, keluarga Felda ni antara faktor utama jugak lah memberi saya dorongan untuk bergerak kepada bidang yang saya minati di bidang *art* [seni]. Macam tu lah citenya latar belakang saya dan sekarang saya dah - - (Gangguan bunyi ketukan) sekarang ni saya dah berumah tangga. (Bercakap sambil mengusik dagu) Saya ada seorang isteri dan jugak tiga [3] orang anak dan ke-kesemua anak saya telah menamatkan pengajian mereka. Dua orang telah bekerja seorang lagi sedang menunggu keputusan. Tu serba sedikit latar belakang saya, yang lain-lain takde kot.

**NAA : Ok. Seterusnya, (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) (Bunyi ketukan) mengikut pemahaman Encik apa yang dimaksudkan dengan warisan seni?**

RZ : Warisan seni? (Berpikir) (Bunyi ketukan) *So* [jadi], kalau cerita pasal warisan selalunya orang akan merujuk kepada (meletakkan jari di pipi) *historical* [peninggalan sejarah] lah, sejarah atau bahan-bahan (bunyi pemberitahuan telefon) tinggalan-tinggalan



dahulu (Bunyi ketukan) itu yang dikatakan warisan. Tapi dalam konsep warisan seni tu sendiri saya fikir seni ni dia luas. Salah satu seninya yang saya ceburi inilah (Pergerakan tangan) seni visual, kita ada jugak seni-seni yang melibatkan seni *performance* [persembahan], seni suara, seni lakonan. Itu semua seni-seni yang saya sebut ni telah bergerak agak lama sejak zaman-zaman dahulu kala lagi dah ada termasuklah seni rupa (Gangguan bunyi ketukan) yang saya ceburi ni dan bila pergerakan masa berlalu maka yang kebelakang itu ada seni-seni yang bersifat dominan nilainya atau nilainya nilai-nilai yang baik yang perlu diangkat dan (Pergerakan tangan) ketika inilah kita akan jumpa istilah warisan ini di mana kita selalu - - harus menjaga warisan itu, melestarikan warisan itu sebab warisan-warisan yang baik ni ataupun (Gangguan bunyi) semua hal-hal yang berkaitan dengan nilai-nilai polisi ini patut diangkat ataupun diteruskan. Kalau kita lihat (Berdehem), dalam konsep warisan itu sendiri (Bunyi pemberitahuan telefon) ka-kalau ikut UNESCO tu dia ada ser - - ter - - terma-terma tertentu lah untuk memberi nilai yang ini dikatakan warisan (Berdehem). (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Kalau kita di Malaysia ni (berdehem), Jabatan Warisan Negara dia ada *certain* [sebahagian] dia punya apa tu kita panggil, dia punya *rules* [peraturan] tu kan nak menentukan ni warisan ke tidak. Kalau di Melaka [Malaysia] ni banyak lah kan, warisan dunia, kalau masjid-masjid tu dia ada logo warisan *you* [awak] tahu kan nak dapatkan sekurang-kurangnya berapa tahun. Kalau dalam *art* [seni] itu sendiri lima puluh [50] tahun karya tu baru kita boleh angkat menjadi satu warisan seni, (Gangguan bunyi ketukan) hanya beberapa karya sahaja di Malaysia ni yang - - telah diangkat menjadi satu nilai-nilai warisan waima dalam arca awam pun (Gangguan bunyi ketukan) kita takde satu pun arca awam yang telah dikategorikan sebagai satu [1] nilai warisan negara. (Bunyi ketukan) Salah satu faktornya, dia punya usianya, lima puluh [50] tahun kita tak dapat. Dulu kita ada satu kes kalau *you all* [awak semua] masih ingat, Puncak Purnama kan Syed Ahmad Jamal [seniman] ni dirobuhkan, ditukar bentuknya dan berlakulah di mahkamah dan akhirnya.

**NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil membuat sedikit pergerakan tangan) Saya macam ada baca dia punya berita.**

RZ : (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Ya, Puncak Purnama tu kan, dan *artist* [seniman] ni menang (Gangguan bunyi ketukan) di mahkamah kan. Arwah Syed Ahmad Jamal [seniman] dia menang dan (Membuat pergerakan tangan) mereka bayar \_\_ bayar kan tapi menjelang selepas kematiannya, (Bunyi ketukan) menjelang lima [5], enam [6] tahun tu peristiwa yang sama tetapi lebih lagi *best* [seronok] dia buang terus, sekarang takde dah. So [jadi], kita pertanyakan (Bunyi ketukan) kenapa tidak diletakkan dalam kategori nilai warisan negara. Kalau warisan negara tu dia ada, dia ada terma dia, dia ada dia punya benda-benda yang dia boleh jaga lah kan. (Bunyi ketukan) So [jadi], antara faktornya u-usia tak sampai lima puluh [50] tahun kan, karya tu baru dia buat lapan puluh [80] -an kan, sekarang baru - - berapa tahun kan. (Bunyi ketukan) Jadi itu - - kalau mengikut terma warisan tu ada beberapa hal lagi. Tapi bagi saya sendiri, warisan tu satu peninggalan yang perlu (Bercakap sambil mengangkat tangan) dijaga lah kan dalam konteks *art* [seni] sa - - dalam konteks *art* [seni] seni visual pun sama kan kalau kita tengok karya-karya yang dah berusia agak sepuluh [10] tahun kebelakang, Ibrahim Hussein [seniman] contohnya kan. (Gangguan bunyi ketukan) Kalau kita pergi ke Universiti Malaya [Kuala Lumpur, Malaysia], kita dapat tengok satu karya mural dia tahun tujuh puluh [70] -an dia buat kan.. So [jadi], itu \_ jugak boleh saya katakan (Bercakap sambil menggerakkan tangan) nilai warisan negara lah warisan budaya kita, warisan-warisan sejarah yang perlu dipelihara. So [jadi], dalam konteks seni visual, (Bunyi ketukan) tidak terkecuali seperti bentuk-bentuk yang lain, yang boleh kita angkat dijadikan warisan. Cuma, (Bunyi ketukan) usaha untuk mengangkat itu sebagai satu nilai warisan tu perlu ada satu sistem yang lebih, (Bunyi ketukan) yang lebih terbuka ataupun saya ingat yang lebih mantap. Kalau *art* [seni] ni nak tunggu usia lima puluh [50] tahun baru nak diiktiraf sebagai warisan tu susah jugak kan. Kraftangan kita mungkin banyak kan.

**NAA : Ha'ah (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Batik, keris, labu sayong ni semua kraftangan-kraftangan tradisi yang kita dah letakkan dalam satu [1] (Gangguan bunyi ketukan) konteks warisan negara lah. (Memandang ke arah penemubual)(Bunyi

ketukan) Itu kot kalau warisan yang -- saya nampak yang itukan. Jadi kalau karyanya baru buat lima [5], enam [6] tahun itu kita nak katakan warisan pun tak lagi lah kan (Memandang ke arah penemubual)

**NAA : (Menggeleng kepala)**

RZ : Sebab dia belum lagi membawa satu nilai yang boleh dikongsi bersama, yang membawa nilai-nilai positif lah. So [jadi], dalam *art* [seni] pun saya fikir macam tu. Warisan dah ada tapi untuk *modern art* [seni moden], (Bunyi ketukan) macam arca dah *modern art* [seni moden] tapi kalau *art* -- [seni] yang tradisi yang *low art* [seni rendah] macam keris saya kata tadi kan kraftangan ataupun batik, kraf lama tu, itu mungkin dah boleh diangkat lah (Bunyi ketukan) sebagai warisan paling tidakpun warisan Malaysia kan, tapi arca ni saya ingat belum lagi kot cuma dia punya (Membuat sedikit pergerakan tangan) apa kita panggil nilai tu dah ada lah, nilai dah ada (Gangguan bunyi ketukan) kalau kita tengok arca ni dia membawa nilai-nilai kemelayuan kan, kalau tengok arca \_\_ Ariffin Ismail [Seniman] di Kuala Lumpur [Malaysia] kan kalau tengok dia punya keris tu kan di Arkib Negara [Kuala Lumpur, Malaysia] kalau awak tengok kan, Latiff Mohidin [Seniman] kan di Maybank [Kuala Lumpur, Malaysia] tu (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) arca awam dia kan (Memandang ke arah penemubual) dah ada nilai warisan tu tapi nak letakkan itu dalam kategori warisan negara - - (Memandang ke arah penemubual) dia dua benda yang berbeza tau, nak letakkan kategori warisan negara tu (Memandang ke arah penemubual) mungkin belum sampai *level* [tahap] lagi lah, (Bunyi ketukan) satu hari nanti.

**AZ : InsyaAllah (Mengangguk)**

RZ : (Memandang ke arah penemubual) Boleh diangkat lah. Itulah kot serba sedikit.

**NAA : Seterusnya, bilakah waktu Encik mula (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan] mengenali dan tahu betul-betul tentang arca ini**

RZ : Oh yeke? Saya bermula tahun sembilan puluh [90] -an kot, ketika saya melanjutkan pelajaran ke ITM (Bunyi klik pen) ketika itu, sebab dulu yelah macam saya kata tadi

Felda ni (Gangguan bunyi ketukan) pendidikan awal kita - - bukan dulu lah, sekarang ni pun kalau pergi sekolah rendah pun cerita arca pun orang (Memandang ke atas) terpinga-pinga lagi.

**AZ : Ha'ah (Mengangguk)**

**NAA : Ya, betul. (Mengangguk)**

RZ : Betul tak?

**NAA : Ya, betul.**

RZ : Maknanya, saya hanya mendapat didikan asas seni arca ketika di ITM, (Memandang ke arah penemubual) di Institut Teknologi MARA [Malaysia]. (Bercakap sambil meletakkan tangan di dagu) Ketika jadi guru dulu pun, kami tidak didedahkan tentang arca secara - - *real* [nyata], secara betul. Di sekolah pun, pendedahan tentang arca dulu orang panggil lukisan je. "Kau belajar apa?". Lukisan. (Gangguan bunyi ketukan) "Besok lukisan buat apa, cikgu?", (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) "Besok ambik belon, kita buat-buat" dan itu satu bentuk tiga [3] dimensi kan. Tiga [3] dimensi tu arca lah sepatutnya.

**NAA : (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) Ha'ah, tampal, cop.**

RZ : (Pergerakan tangan) Tapi, istilah tu tak - - mungkin ilmu pengetahuan (Memandang ke arah penemubual) tak sampai even kita punya perkembangan seni arca di Malaysia pun agak lewat kan enam puluh [60] -an baru bermula (Bunyi ketukan)(Pergerakan tangan) tapi saya kalau ikut kajian saya kata tahun dua puluh [20] -an, tetapi perkembangan arca dekat Malaysia tahun dua puluh [20] -an ini bukan kita yang memulakannya, orang luar kan. Kita ada seperti Felix de Weldon [Seniman] tu yang buat Tugu Negara [Kuala Lumpur, Malaysia] kan, kita ada 'Frank Swethnam' [Nama arca] kan, semua arca-arca a-wam yang dibuat oleh bangsa asing dengan tujuan-tujuan propaganda ketika itu kan. Dia nak tunjukkan yang dia ni hero lah kat Malaya kan datang menjajah, dia pun buatlah dia punya *statue* [patung] dia kan, 'Frank Swethnam' [Nama arca](Gangguan bunyi ketukan) kat Kuala Lumpur [Malaysia],

Robert Walker [Seniman] di Pulau Pinang [Malaysia], (Bercakap sambil menggaru kepala) itu semua arca-arca pemerintah mereka, (Gangguan bunyi) kapten-kapten, leftenan-leftenan diaorang ada buat arca. (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) *So* [jadi], dah masuk awal kat Malaysia tapi (Bunyi ketukan) pendedahan ilmu tentang arca ni belum berlaku sehinggalah kita pergi ke luar negara kan tahun enam puluh [60] -an tu, Anthony Lau [Seniman] contohnya pergi kan, dengan bila adanya *School of Arts* [Fakulti seni] di ITM, adalah keluaran-keluaran (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) *graduate* [graduan] ni yang pergi melanjutkan pelajaran ke luar negara, Zakaria Awang [Seniman], Ariffin Ismail [Seniman] sendiri (Gangguan bunyi ketukan) pastu lapisan kedua \_ Ramlan Abdullah [Seniman], Mad Anuar [Seniman], Tengku Sabri [Seniman] kan lepas tu barulah \_\_ ketiga saya - - walaupun saya pergi ke luar (Bunyi ketukan)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) tetapi saya masih kekal i-dentiti dalaman lah (Memandang ke arah penemubual) sebabkan bila dapat ilmu-ilmu dari senior-senior yang balik belajar luar negara.

**AZ : (Mengangguk)**

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *So* [Jadi], maknanya berbalik soalan awak tu saya hanya faham arca ni ketika tahun sembilan puluh [90] -an lah, ketika belajar di UiTM [Malaysia]. *So* [jadi], enam puluh [60] -an, tujuh puluh [70] -an diaorang pergi belajar, (Gangguan bunyi ketukan) diaorang balik diaorang (Memandang ke arah penemubual) *serve* [berkhidmat] (Pergerakan tangan) kita balik lah.

**NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan dan mengangguk)**  
**Berkongsi, *share* [kongsi] ilmu.**

RZ :(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan)(Gangguan bunyi ketukan) Diaorang kongsi, apa itu arca sebagainya akhirnya arca itu meriah di era-era sembilan puluh [90] -an. Itu permulaan sayalah bermula.

NAA : (Mengangguk)

AZ : Bukan setakat dahulu je, (Bercakap sambil memandang tokoh dan melakukan sedikit pergerakan tangan) sekarang pun kita tengok arca ni orang tak kenal sangat kan.

RZ : (Menongkat dagu) Itulah tu. *So* [jadi], banyak lagi usaha - - macam *you all* [awak semua] punya usaha ni baguslah kan. (Bunyi pemberitahuan telefon)

NAA : (Gangguan bunyi ketukan)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Seterusnya, siapakah idola yang memberi (Memandang ke arah tokoh) inspirasi dalam bidang arca ni? Idola, inspirasi.

RZ : (Bercakap sambil menongkat dagu) Idola eh?

NAA : Ha'ah, idola. (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Encik memperidolakan siapa?

RZ : (Berpikir sambil menongkat dagu) Pada awalnya saya masih lagi ingin menyebut nama ni lah sebagai *guide* [panduan] lah. Dah tentu idola kita cikgu kita kan, (Mengusik bibir) dia yang bagi ilmu, (Melakukan sedikit pergerakan tangan) kalau kita tak tahu sesuatu sampai kita tahu kita akan menghargai orang yang bagitahu kita tentang yang kita tak tahu macam tu eh. Jadi saya masih lagi ingin menyebut nama ni, mendiang Joseph Tan [Pensyarah]. Joseph Tan [Pensyarah] ni seorang pensyarah dulu. Pensyarah kita yang mengajar ketika semester satu [1], semester dua [2], apa itu tiga [3] dimensi lah. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Istilah nom - - istilah formalnya tiga [3] dimensi lah arca ni kan. *So* [Jadi], di situlah saya bermula dan saya memahami apa itu tiga [3] dimensi dan saya fikir rupa-rupanya aku ni buat arca lagi - - *instinct* [naluri] tu kuatlah, ada rasanya lagi *best* [seronok], (Memandang ke arah penemubual) *compared* [dibandingkan] buat *paintings* [lukisan], walaupun saya boleh buat painting, boleh buat *print* [cetak] kan tapi saya memilih bidang arca. *So* [Jadi], itulah saya nampak awal dulu pengasas yang bagi saya *basic* [asas] (Gangguan suara) ialah Joseph Tan [Pensyarah] kemudian diikuti dengan Ramlan Abdullah [Seniman], sampai sekarang pun Ramlan [sic, Ramlan Abdullah][Seniman] masih bergiat aktif eh kalau *you* [awak] tengok. Tokoh Ramlan Abdullah [Seniman],

Zakaria Awang [Seniman], ni orang-orang - - orang-orang pelopor lah. Ariffin Ismail [Seniman] eh.

**AZ : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) *So* [jadi] lima [5], enam [6] orang ni (Gangguan bunyi) menjadikan [sic, menjadi] idola saya untuk saya bergiat cergas dalam bidang arca lah. Joseph Tan [Pensyarah], Ramlan Abdullah [Seniman], Ariffin Ismail [Seniman], Zakaria Awang [Seniman], Zulkifli Yusoff [Seniman], ni semua orang-orang yang memberi impak besar dalam - - karier saya lah sebagai seorang pengarca.

**NAA : Seterusnya, (Gangguan bunyi)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Encik pandang arca awam ni apa keunikan untuk sesebuah arca yang dibina tu, uniknya arca tu, sebab (Bunyi klik pen) kalau kita tahu pun kalau bila tentang arca ni dia ada maksud dia sendiri kan, (Gangguan bunyi) dia ada yang nak disampaikan oleh pengarca.**

RZ : (Mengangguk sambil menongkat dagu) Apa bezanya eh, (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) saya mungkin nak kongsi dulu lah apa beza arca awam dengan arca biasa ni kan, banyak arca-arca ni kan. Perbezaan arca awam ialah arca awam ni satu arca yang konteks di luar galeri, di luar ruang galeri berpameran eh. Pameran ni ialah di luar, *audience* [penonton] nya ialah *audience* - - [penonton] yang bukan datang ke galeri. *Audience* [Penonton] nya orang yang berlalu sekitarnya. Itu konsep awal arca awam. Yang keduanya, arca awam ni kenapa dibina. Kalau kita lihat banyak *statue* - - [patung] di luar negara yang hebat-hebat kan Gunung Rushmore [Amerika Syarikat] lah even di *Singapore* [Singapura] ada *lion* [Singa][sic, Merlion].

**AZ : (Menunjuk sesuatu di atas kertas)**

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Kalau di Malaysia ni ada Tugu Negara [Kuala Lumpur, Malaysia], banyak lah. Kenapa ia dibina? Salah satu

fungsinya ia menjadi salah satu macam ikon lah, ikon budaya, ikon politik, ikon sejarah eh ataupun menjadi satu *landmarks* [mercu tanda] sesebuah negara, sesebuah lokasi di mana ia dibina sebenarnya arca awam ni membawa makna sejarahnya, budayanya, *historical* [bersejarah] nya, politiknya, (Gangguan bunyi) semua ada di situ.

**AZ : (Mengangguk)**

RZ : *So* [Jadi], (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) bagaimana seorang pengarca itu menggunakan elemen-elemen ini dalam arca mereka. *So* [Jadi], itu jadi pentingnya arca ni kepada *public* [awam], sebab dia akan membawa aspirasi sesuatu dalam arcanya.

**NAA : (Mengangguk sambil memandangi tokoh)**

**AZ : (Mengangguk sambil memandangi tokoh)**

RZ : (Memandangi penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Itu yang penting. Tapi kalau arca - - berbeza-beza sikit dengan arca-arca dalam konteks galeri kan. Konteks galeri ni hanya akan dimengerti ataupun dilihat, dilawati oleh mereka-mereka tertentu sahaja.

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : Tapi arca awam ni dengan lokasi tertentu. (Sambil melakukan pergerakan tangan)

**NAA : (Menyampuk) Sebab dia besar.**

RZ : (Mengangkat tangan ke atas) Dengan saiz, skala dia kita panggil *oversize* [terlalu besar] eh, dan boleh dilihat dari jauh kan? (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Boleh menggunakan segala elemen-elemen *art* [seni] di dalamnya saya rasa dia boleh bagi impak secara fizikal dan jugak dari segi *content* [kandungan] nya, pemaknaannya, makna dalaman dia eh. Contoh - - saya amik contoh satu [1] arca di - - arca Latiff Mohidin [Seniman] la di Maybank [Kuala Lumpur, Malaysia] kalau awak tengok kan. (Pergerakan tangan) Macam mana arca tu dibina, diaspirasikan dari



sebilah keris kan, di mana Maybank kalau *you* [awak] pergi bangunan Maybank di (Bunyi pemberitahuan telefon) Jalan Pudu Raya [Kuala Lumpur, Malaysia] tu kan memang dah ada bentuk keris kan, tengok dari atas keris kan. (Menunjuk ke atas)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *So* [Jadi], Latiff Mohidin memikirkan bagaimana nak *absorb* [menyerap] ataupun nak *inspired* [terinspirasi] bangunan ni biar sama arca dia. *So* [Jadi], dia menggunakan konsep apa, (Memandang penemubual) dia bina keris kan *so* [jadi] dengan dia punya susunan-susunan yang menarik, dengan dia punya formalistic yang bagus. Jadi, arca itu memberi impak kepada Maybank itu sendiri (Memandang ke arah penemubual)(Pergerakan tangan dan kaki) sebab itu *ownership* [pemilikan] nya ialah korporat. (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Kenapa korporat hendak arca ni, sebab dia nak mengangkat - - korporat nak mengangkat Maybank tu kan dalam konteks *art* [seni]. Begitu jugak bila dia *appoint* [melantik] atau komisenkan arca awam oleh Yusof Ghani [Seniman] kat situ jugak kat Maybank tu kalau pegi dia ada dua tempat kan. Yusof Ghani *develop* [bangunkan] ketika itu membawa aspirasi negara, ketika itu Dato' Najib [sic, Dato' Sri Mohammad Najib Tun Abdul Razak][Bekas Perdana Menteri Malaysia ke-6] memperkenalkan tentang 'Satu [1] Malaysia, Segerak' kan.

AZ : (Mengangguk)

NAA : (Mengangguk)

RZ : (Bercakap sambil membuat pergerakan tangan) *So* [jadi] jadi satu [1] Malaysia ni maksudnya kita kena bersatu untuk bergerak bersama. Jadi, aspirasi ini diangkat oleh Yusof Ghani [Seniman] dalam karya arcanya (Memandang penemubual) dengan menggunakan huruf-huruf 'segerak' kan S-G [sic, S-E-G-E-R-A-K] tapi dalam - - tiga tulisan, (Bercakap sambil mengira menggunakan jari) jawi, tulisan tamil, (Memandang penemubual) tulisan cina dan tulisan Sarawak, bahasa Sarawak.

NAA : Owh. (Mengangguk)

RZ : *So* [Jadi], dia gunakan huruf itu (Bunyi pemberitahuan telefon)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) jadikan sebuah arca yang abstrak. Jadi, mak - - kita nampak disini bahawa aspirasi negara ketika itu yang ma - - memahukan masyarakatnya bergerak bersama itu (Gangguan bunyi) telah diangkat oleh *artist* [seniman] atau pengarca dalam karya dia. (Bunyi pemberitahuan telefon) Itu yang saya nampak (Jari menunjuk ke atas) antara fungsi arca itu berlaku. (Bercakap sambil meletakkan tangan di bibir) Begitu jugak kalau kita lihat arca - - apa nama (Berpikir seketika) alamak lupa aku apa nama dia. (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Arca Ramlan Abdullah [Seniman] kalau *you* [awak] pergi ke laman Asean kan, dia buat satu [1] arca sempena merdeka empat puluh [40] tahun Malaysia. *So* [Jadi], kita lihat, nampak dia menggunakan bilah-bilah keris jugak kan, dia susun empat puluh [40] melambang perjuangan, (Gangguan bunyi) halangan yang negara hadapi kan, dibentuk dalam bentuk ab-strak. *So* [Jadi], ini - - bila kita mengerti hal ini maka kita harus mengakui bahawa arca awam itu mempunyai satu [1] tanggungjawab yang tersendiri. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Yang pertamanya tanggungjawab dia kepada negara dia sendiri, tanggungjawab kepada masyarakat dia. Arca awam ini lah yang ki - - yang saya maksudkan sendiri arca yang (Bunyi klik pen) bertindak balas ataupun respon dengan masyarakat secara langsung. (Memandang penemubual)

**AZ : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *Compared* [dibandingkan] dengan arca-arca yang bersifat galeri ni, ada jugak tapi dia kita kena tengok kena visit lah kan, kita kena, kita kena faham sebab selalunya arca-arca begini ni arca yang bersifat lebih kepada pendirian ataupun *content* [kandungan] ataupun is - - apa nama, emosi pengarca itu sendiri tapi di Malaysia, di Malaysia, di luar negara tak. Di Malaysia ni, sembilan puluh lapan [98] peratus arca awam dibina (Gangguan bunyi) dengan menuruti kehendak *ownership* [pemilikan] nya. Kalau Public Bank hendak, “Aku hendak kau mesti ikut aku punya simbol-simbol” maka arca perlu begitu. Kalau *ownership* [pemilikan] nya katalah taman kan ataupun *park* [taman] kan, dia cakap “Aku nak arca yang bersifat *recycle* [kitar semula]” (Memandang ke arah

penemubual) maka kita ni kena *follow* [ikut]. (Gangguan bunyi) Di Barat tak begitu, Henry Moore [Seniman] dia buat dia punya, kau nak kau amik aku punya ni, \_ \_ \_ .  
Macam ni kan, (Menunjuk arca menggunakan jari) dia buat ni besar kan jadi arca awam (Gangguan bunyi) - -

**NAA : Allahu Akbar (Ketawa)**

RZ : *Best* [Seronok] tu ada muzik latar belakang kan. (Memandang ke arah penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *So* [Jadi], di Malaysia belum lagi ke situ kan walaupun dah ada ke arah itu, sikit-sikit kita *inject* [menyuntik] lah. Maknanya kat Malaysia ni tradisi perkaitan dengan masyarakat kuat sangat. Itu yang bezanya tu, dan saya selalu kata “takpe, biar arca awam di Malaysia ni berbeza dengan arca awam di *oversea*” [luar negara] kan. Di *oversea* [luar negara] tu dia bebas kan, “aku punya arca kau suka kan”, “kau ambik ni, aku buat besarkan” walaupun ceritanya lain. (Gangguan bunyi) Tapi, di Malaysia ni kan sembilan puluh [90] peratus kajian saya semuanya menceritakan - - *content* [kandungan] nya mesti berkait rapat dengan kehendak *ownership* [pemilikan]. Banyak yang macam tu. Nak sebut satu-satu tu awak bacalah nanti tesis saya. Macam tu lah. (Meletakkan jari di bibir)

**NAA : Kiranya, (Pergerakan tangan) *ownership* [pemilikan] tu dia datang jumpa pengarca untuk mintak lah apa yang diaorang nak.**

RZ : Itu kes yang berbeza tu. Itu bagaimana arca awam tu di (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *deliver* [disampaikan] ke masyarakat. Biasanya yang saya dan kawan-kawan lalui, kita ni bila ada orang yang nak baru kita buat. Itu beza pulak.

**NAA : Ha’ah. (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Kalau arca biasa ni orang taknak pun kita buat.

**NAA : Ha’ah. (Mengangguk)**

RZ : Arca awam ni kebiasaannya sudah ada dia punya *ownership* [pemilikan] dia, kita kata *commission work* [kerja komisen] ok. Katalah (Berdehem) baru-baru ni kita ada - -

saya ada buat di Putrajaya [Malaysia] eh, di Putrajaya [Malaysia] kalau dapat tengok satu arca Uniti. Kalau awak tengok saya punya blog banyak lah. So [Jadi], arca itu diminta oleh Tan Sri Samsudin. Bila mereka nak hias sekitar tu, dia ada tema dia, (Memandang penemubual) ada kehendak dia kan, dia panggil pengarca lah. (Gangguan bunyi latar belakang)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) So [Jadi], maksudnya, kita kena buat berdasarkan kehendak-kehendak yang dia tu. Semua macam tu. Jarang di Malaysia ni - - ni faktor yang kedua kot. Jarang di Malaysia di arca awam dibina tanpa (Memandang penemubual) pembiayaan daripada *ownership* [pemilikan]. Suka-suka nak buat kan (Ketawa kecil), takde. Tapi di *oversea* [luar negara] boleh. Di *oversea* [luar negara] ni diaorang dah ada duit kan.

**AZ : Ha'ah, itulah beza kan.**

RZ : Industri dia dah besar kan, dia tak - - orang tak suruh pun - - bayangkan Cristo [Tokoh] dia parlimen kan, dia \_ pulau berapa banyak kos dia, takde orang - - dia yang hendak tetapi dia mencari dana. Macam kita ni, orang nak baru kita buat. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dana pun dari orang yang nak tu, tapi di sana dana tu *artist* [seniman] yang cari untuk buat sesuatu *art* [seni] yang mengikut naluri mereka. (Memandang ke arah penemubual) Maksud saya arca awam di Malaysia ni, itu sedikit berbeza dengan di luar negara lah. Itu yang ada - - mungkin ada kebaikannya lah. Itu yang sa-ya saya selalu tekankan.

**AZ : Kiranya keunikan lah arca awam ni.**

RZ : (Mengangguk) Ya - -, betul. Tu lah kot. Menjawab tak aku? Tanya apa, aku jawab lain pulak dah ya tapi ok je kan.

**AZ : Ok. (Mengangguk sambil tersenyum memandang tokoh)**

**NAA : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan dan memandang ke arah tokoh) Seterusnya, apakah kepentingan arca awam ni kepada anak muda, masyarakat?**

RZ : Oh, (Gangguan bunyi latar belakang) yang ni *best* [seronok], yang ni *best* [seronok].  
Anak muda ni (Bunyi klik pen) jangan kata arca awam, yang lain-lain pun sebenarnya ada kepentingan kan.

AZ : (Ketawa kecil)

NAA : Yelah, maksudnya dia macam fokus.

AZ : (Menyampuk) Fokus. (Ketawa kecil)

RZ : Tapi (Ketawa kecil), tapi arca awam ni - - nak kongsi satu hal lah, satu kajian dibuat di Singapura eh. Saya lupa nama - - pengkaji (Bunyi klik pen)(Sedikit pergerakan tangan) tapi ada, saya ada simpan itu. Dia buat kajian di *Singapore* [Singapura], dia kata sekiranya masyarakat umum ni eh , masyarakat awam termasuk orang muda memahami tentang sesebuah arca awam ini, tahu nilai arca awam ini, boleh baca eh sebab dia ada bahasanya. Bahasa arca ni kena baca lah, baca bahasa tiga [3] dimensi. "Kalau mereka mengerti, dia kata nilai *vandalism* [vandalisme] akan turun". Itu \_ dia. Faham tak? \_ \_ me- me- rosakkan.

NAA : Oh (Mengangguk), (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) kiranya dia ada tempat lain lah.

AZ : (Menyampuk) Seni dia lah.

RZ : (Mengangguk sambil tersenyum) Ya - -. Dia dua. Satu ada tempat mereka nak melepaskan emosi.

NAA : Ha'ah. (Mengangguk)

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dia bukan arca di dalam konteks *public art* [seni awam]. (Memandang penemubual) Public art ni bukan arca je, arca ni salah satu je. *Public art* [seni awam] ni mural tu *public art* [seni awam] jugak kan. Sign yang besar-besar ni public art [seni awam] jugak. Kalau kau pergi sekarang kat shell ke, (Membuat gaya petung di shell) patung-patung tu pun *public art* [seni awam] jugak. Saya - - bacaan saya lah banyak *public art* [seni awam]ni tapi saya fokuskan

arca. Jadi dia kata, kalau orang ni dia menyayangi arca, (Menunjuk ke hadapan) dia *respect* [hormat] arca, dia akan *respect* [hormat](Memandang ke arah penemubual) benda-benda lain. Tak rosakkan telefon - - dulu telefon kan.

**NAA : Ha'ah. (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Tak rosakkan tu. (Memandang penemubual) *This is* [Ini adalah] penemuan dia. *This is* [Ini adalah] yang yang *content* [kandungan]. *That's why* [Sebab itu kenapa] saya pikir saya nak tambah sikit - - bukan itu sahaja, kalau anak-anak muda boleh terceburlah dalam bidang seni arca awam ni - - arca awam ni kalau macam ni kan (Menunjuk arca menggunakan jari) Ni buat sorang je. Betul tak? (Memandang penemubual)

**NAA : Betul. (Mengangguk)**

RZ : Mesti siap. (Membuat gaya tangan untuk menidakkan) Arca awam tak, (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) sebab Syed Ahmad Jamal [Seniman] kata arca awam ni bukan hak mutlak seorang individu pengarca. (Memandang penemubual)Tu kena ingat.

**AZ : (Mengangguk)**

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil menunjuk arca) Kalau ni ya lah aku punya, arca awam tidak sebab arca awam ni memerlukan (Memandang penemubual) kolaborasi daripada orang lain. (Gangguan bunyi) Teknikalnya, kan, *welder* [pengimpal] nya, kalau nak ban - - nak pasang (Mengangkat tangan) *engineer* [jurutera] dia kan, *so* [jadi] (Memandang penemubual) ramai orang yang perlu terlibat. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Saya kalau besar-besar selalu buat pun bukan saya sorang, (Memandang penemubual) saya libatkan anak-anak muda kan. Kita ada projek sekarang di Lendu [Melaka, Malaysia] nanti kita buat *public art* [seni awam] jugak, kita nak jem - - kita nak orang-orang kampung datang bantu buat.

**AZ : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : (Memandang penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Tu maksudnya, arca awam ni bukan kepunyaan individu, dia kepunyaan orang ramai. (Gangguan bunyi) Maknanya, selain tadi kalau orang muda faham tentang arca boleh menambah baik nilai sikap dia, kalau dia jugak boleh sama terlibat, maka dia dapat satu [1] ilmu dan jugak menjana pendapatan. (Memandang ke arah penemubual)

AZ : (Mengangguk)

RZ : Haa kan, tu untuk orang-orang muda sebab dia kolaborasi. (Pergerakan tangan) Tidak semestinya dia tu mesti pandai tentang arca, tak semestinya. Tukang pi - - tukang pikul, tukang cat (Membuat gaya mengecat)(Memandang penemubual) pun boleh maksudnya begitu lah. (Gangguan bunyi latar belakang) So [Jadi] itu kelebihanannya sekiranya orang muda memahami tentang seni arca. (Bercakap sambil menggerakkan tangan) Seni arca awam - - dan arca awam ni kadang-kadang dia bukan bersifat kekal dua puluh [20] tahun, tiga puluh [30] tahun kan. Di \_ Malaysia, kita buat buluh je. Kita memang estimate [anggarkan] enam [6] bulan. Dia panggil temporary public sculpture [ukiran awam sementara]. Di Jogja, (Bunyi ketukan) saya selalu buat projek di Jogja, di sawah padi je. Arca-arca awam yang bersifat sementara tiga [3] bulan, empat [4] bulan. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) So [Jadi] yang ini boleh kita tukar. Maka, bila karya-karya bersifat *temporary* [sementara] ni tentunya bahannya bukan bersifat yang \_ ataupun dah yang - - apa, (Memandang penemubual) daya tahan yang lama. Kalau besi ni, dua puluh [20] tahun kan. So [Jadi], maknanya kemahiran bahan ini boleh orang muda ni amik tolong. (Bunyi ketukan) Kayu, buluh kan, ikat so [jadi] (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) kemahiran tak semestinya macam arca yang - - pengarca tu ada kemahiran. (Gangguan bunyi)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) So [Jadi], orang selalu salah faham, dia kata *art* [seni] ni - - jangan cerita arca lah, *art* [seni] pun sama kan aku tak pandai. *Art* [Seni] ni bukan untuk orang yang pandai, (Memandang penemubual) *art* [seni] ni untuk orang semua orang kan sebab dalam *art* [seni] ni banyak benda boleh dibuat. Bukan lukis cantik-cantik je boleh panggil *art* [seni] kan, banyak benda yang boleh kita buat. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) So [Jadi], pemahaman tentang arca, pemahaman tentang seni secara menyeluruh tu haruslah

difahami oleh orang-orang muda supaya mereka nampak potensi untuk mereka masuk di (Memandang penemubual) dalamnya walaupun dia mungkin kurang kemahiran.

**AZ : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

**NAA : (Mengangguk sambil melihat kertas dan mengusik dahi)**

RZ : Tu lah kot untuk orang muda tu. (Bersandar kemudian silang kaki) Macam dah haus je ni.

**AZ : (Ketawa kecil melihat tokoh) Seterusnya Encik, adakah - - (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan dan memandang tokoh) seperti Encik kata, Encik mula pada tahun sembilan puluh [90] -an kan (Gangguan bunyi) dalam bidang arca ni. Adakah Encik menyambung legasi keluarga? Ada ke keluarga Encik yang terlibat jugak dalam bidang arca ini sebelum Encik?**

RZ : Ok. (Mengangguk)(Meletakkan tangan di pipi) Yang ni - - mungkin saya pusing sikit kot. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Saya kata istilah arca itu ialah satu karya seni modern [moden] lah kan

**AZ : (Mengangguk sambil memandang ke arah tokoh)**

**NAA : (Mengangguk sambil memandang ke arah tokoh)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Tetapi perbuatan mengarca itu, bertukang itu sedangkan perbuatan tradisi dah lama berlaku. Yang ini ada, (Memandang penemubual) warisan daripada keluarga.

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : Itu yang - - saya nak kaitkan tu. Keluarga saya kalau datuk saya dan bapa saya dia suka bertukang. Dia buat gerobok sendiri kan, dia buat kalau senduk-senduk tak payah beli, dia amik kayu (Memandang ke arah penemubual) dia boleh buat senduk



sendiri. Kalau tempurung (Bunyi ketukan) kelapa tu dia buat - - (Memandang penemubual) dia ada kraf sikit la, dia *craftment* [pertukangan] sikit lah.

**AZ : (Mengganggu sambil memandang ke arah tokoh)**

**NAA : (Mengganggu sambil memandang ke arah tokoh)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Ini mungkin lah antara legasi atau ada bibit-bibit minat tu sebab saya suka tengok dia - - kalau dia (Membuat gaya meraut) raut, dia ukir, kalau nampak menariknya kan walaupun bukan ukiran yang tradisi. (Memandang penemubual) Dia - - ukir selalunya saya tengok dia ukir kepala apa, kepala pa - - hulu parang tu kan. Hulu parang, sarung parang kan *so* [jadi] ini mungkin darah-darah ni ada sedikit lah, dan bila - - mungkin bila saya melihat arca dalam konteks arca kita punya (Memandang penemubual) berbeza. Saya takkan tengok dalam konteks kraf maka mungkin dari segi bahan saya ubah kan, dari segi pemahaman itu saya ambil, dari segi bahan, teknikalnya saya ubah. Dan saya se-ring jugak berminat dengan penggunaan bahan-bahan kayu tapi saya tak buat lah metod ataupun pendekatan seperti atuk saya buat. Saya ada jugak buat-buat perabot tapi bukanlah arca, mak-nanya kerja-kerja bertukang itu yang saya serapkan dalam saya punya (Memandang ke arah penemubual) kerja-kerja arca. (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Senang cerita, darah daging - - apa nama, mak bapak bukan seorang pengarca tapi bapak saya jugak seorang petukang. (Gangguan bunyi suara) Konteks petukang ni lah saya jugak katakan darah daging yang saya ada untuk (Memandang penemubual) saya buat arca, macam tu.

**AZ : (Mengganggu sambil mengangkat sedikit kertas)(Bercakap sambil memandang ke arah tokoh) Adakah Encik akan pastikan anak-anak Encik (Gangguan bunyi ketukan) untuk menerusi [sic, meneruskan], meneruskan legasi penghasilan seni arca**

RZ : (Bercakap sambil menongkat kepala dan memegang wayar) Tak kot. Ni untuk - - ni lah. Untuk menentukan anak kita buat tu buat ni saya ingat bukan *this is not the right time* [ini bukan waktu yang sesuai], ni bukan masa zaman-zaman tu lah. (Pergerakan

tangan) Dulu kalau zaman saya tujuh puluh [70] -an kan memang kita berharap bapak kita kata apa (Menunjuk ke hadapan) “ok, kau ni kan boleh jadi ni”. Tapi sekarang saya fikir tak macam tu lah kan. Sekarang ni dunia dah.

**NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan sedikit gerakan tangan dan memandang tokoh) Kiranya terbuka lah.**

RZ : Terbuka. (Mengangguk)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Macam-macam ada yang - - kita pun tak boleh ikut tapi anak kita boleh ikut kan. So [Jadi], saya terbuka lah, saya pun tak berharap ada orang boleh ikut ataupun meneruskan kerja diri saya. Saya pun (Memandang penemubual) takde berpikiran begitu lah. (mengerut dahi) Saya agak terbuka, kalau ada, ada. (Memandang penemubual) Kalau takde, takde lah kan. Mungkin anak-anak saya ramai - - anak-anak didik - - (Memandang penemubual)(Bercakap sambil tersenyum sedikit) saya fikir macam tu

**NAA : Ok. (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Anak tu \_ \_ \_ lah kan. Yang mana saya curahkan ilmu tu, dia lah akan meneruskan dan dia jugak akan bercerita legasi dia, “dulu saya diajar oleh” itu pun dah cukup dah. (Memandang penemubual)

**NAA : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : (Pergerakan tangan) Kalau anak sendiri mungkin kalau ada ok, kalau takde pun takde masalah.

**AZ : (Bercakap sambil memandang tokoh dan melakukan sedikit pergerakan tangan) Kiranya antara anak - - , antara anak-anak Encik ada tak yang betul-betul macam dia minat dekat seni?**

**NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Tunjuk minat dia lah dalam bidang ni..**

**AZ : Ha'ah, tunjuk minat**

RZ : Ada, tapi dia lain sikit lah. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Sorang tu dia arkitek. Dia me - - diaorang ni masa zaman sekolah memang minat lah tapi bila nak *channel* [salurkan] kan untuk kerjaya tu mereka - - saya bagi tips jugak lah, tengok lah bidang lain, (Memandang ke arah penemubual) kalau bapak kau dah macam ni kan. *So* [Jadi], sorang lagi tu memang dia minat melukis tapi bila dia nak menyambung ke \_ dia pergi buat arkitek lah. Jadi arkitek tu amat dekat dengan seni arca sebenarnya sebab arkitek jugak bermain dengan ruang-ruang nyata, bahan-bahan benar kan. *Even* [Sedangkan], kalau saya memerlukan lukisan-lukisan teknikal, dia akan bantu saya. (Memandang penemubual) *So* [Jadi] maknanya, saya dah ada *networking* [rangkaian] yang berbeza lah. (Memandang penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Saya pun tak suka sama macam saya semua, baik saya sorang kan dan anak saya seorang arkitek, sorang lagi anak saya dia - - dia minat melukis jugak awal-awal tapi dia taknak pergi ke aliran itu, dia nak pergi ke aliran bercakap ni kan macam \_ \_ dia buat MASSCOMM, *so* [Jadi] saya fikir MASSCOMM ni satu bidang yang boleh mem-bantu saya (Memandang ke arah penemubual) memasarkan karya gitu lah.

**NAA : (Mengangguk) Mempromosikan.**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dia boleh menulis kan, dia boleh buat *statement* [pernyataan] saya. *So* [Jadi], saya nampak dua orang ni jugak maknanya ada *networking* [rangkaian] dengan *art* [seni] saya. Tu je lah. Saya - - tak harap dia buat macam saya, tapi saya harap dia boleh (Pergerakan tangan) memanjangkan, melegasikan karya saya dalam konteks (Memandang ke arah penemubual) yang dia ada.

**NAA : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

**AZ : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : Macam tu lah, macam tu lah yang saya nampak.

**AZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Kiranya Encik pun memang dapat sokongan (Memandang tokoh) dengan dorongan lah daripada keluarga untuk bidang ni?**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan jari di bibir) Tentu lah, bukan buat arca je kan. (Ketawa kecil)

**AZ : Ha'ah (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil meletakkan tangan di pipi) Semua orang, kalau apa-apa berjaya mesti ada orang mendokong dia. Maknanya yang pertama, (Memandang penemubual) keluarga lah. (Pergerakan tangan) Semua benda ni keluarga kan, ugama pun dah ajar kan kau nak tolong ke, nak sedekah ke kau nak \_\_

**AZ : (Menyampuk) Utamakan keluarga dulu.**

RZ : Utamakan keluarga kau dulu lah kan, (mengerutkan dahi sedikit) takkan orang lain. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) So [Jadi] maknanya, keluarga ni memang (Bunyi klik pen) satu dokongan yang kuat lah (Bunyi panggilan telefon) untuk semua kerja termasuk kerjaya saya lah. (Menoleh ke kiri dan mengambil telefon) Jap eh, bagi saya jawab. - -

(Menjawab panggilan telefon)

RZ : *Alright* [Baiklah]. (Meletak telefon kemudian menongkat dagu)

**NAA : Seterusnya, macam - - boleh tak Encik ceritakan sikit pengalaman Encik macam apa, (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) arca pertama yang Encik hasilkan, pastu (Memandang tokoh) kenangan Encik.**

RZ : Oh. (Mengangguk sambil menongkat dagu)

**NAA : (Memandang ke arah tokoh) Kenangan manis, pahit yang dalam bidang ni lah macam mana.**

RZ : (Berpikir sambil mengusik bahagian kelopak mata) Macam ni, saya - - tadi saya dah cerita awal-awal saya dulu menjadi seorang (Memandang penemubual) guru tau.

NAA : Ya. (Mengangguk)

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dan saya belajar ketika umur saya dua puluh enam [26] tahun tau. Saya tak lepas SPM terus belajar ke ITM. Di ITM tu saya kata ialah saya mula belajar arca. Maksudnya, bila saya mula lewat dua puluh enam [26] tahun, saya dah kahwin dan ada sorang anak, saya buat melanjutkan pelajaran di ITM dan saya berkenalan dan belajar seni arca. Sebelum tu saya dah tahu *art* [seni] jugak, sebab kan Maktab saya tu belajar *art* [seni], tapi saya tak tahu arca. Saya dah per - - saya dah \_ dahulu, maksudnya saya duduk dalam satu *ranking* [peringkat] yang berbeza sikit dengan budak-budak yang *fresh* [segar] ni. Saya dah berumur sikit dan saya dah agak matang, (Bercakap sambil mengusik bibir) dan saya dah boleh bercampur dengan Ramlan, (Memandang penemubual) saya dah boleh pergi jumpa dengan pensyarah-pensyarah *senior* [pangkat lebih tinggi] untuk bertanya tentang *art* [seni]. (Memandang penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Maksudnya, perkembangan saya lebih terdahulu. Semester dua [2] saya dah menang satu *award* [anugerah], *major award* [anugerah utama] dalam arca. (Memandang ke arah penemubual)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Ketika itu saya menang dua ribu [2 000] lah, masa tu tak banyak. Saya menang arca pertandingan bak - - pertandingan 'Vision 2020' ['Wawasan 2020'] ya, construct to 'Vision 2020' [Menuju ke 'Wawasan 2020'] yang dianjurkan oleh Ba-lai Seni Negara [Kuala Lumpur, Malaysia] dan jugak ISETAN [Kuala Lumpur, Malaysia]. *You* [Awak] bukak je *biograph* [biografi] saya, adalah. Itu pertama yang saya menang (Menunjukkan nombor satu menggunakan jari telunjuk) dan ketika itulah saya nampak arca ni (Bercakap dengan nada teruja) wah! memang *best* [seronok] lah, (Memandang ke arah penemubual) arca ni memang bidang aku lah macam tu. Itu permulaan secara rasmi kot. Sebelum tu saya jugak buatlah masa waktu (Memandang penemubual) kerja-kerja ni saya buat jugak (Pergerakan tangan) arca-arca tapi yang tu yang dipamerkan dan mendapat kemenangan. Semester dua [2] *sorry* [maaf], semester dua [2] yang tu, (Bercakap sambil meletakkan tangan di bibir) tu permulaan

lah, itu permulaannya. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Kemudian, saya terus bergeraklah buat arca ketika belajar saya dah aktif sebenarnya, dan yang ni kalau *student* [pelajar] dengar, kalau *you* [awak] sharing dengan *student* [pelajar] kan, antara faktor untuk menentukan *you all* [awak semua] ni boleh jadi pengarca ke tak, *artist* [seniman] ke, mesti bergiat cergas ketika (Memandang penemubual) belajar. (Menunjuk penemubual menggunakan jari telunjuk) Sebab masa belajar macam korang ni belajar kan, macam korang ni *full researchers* [penyelidik penuh] lah sekarang sebab kerja kau memang itu je kan. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *Time* [Masa] aku dulu, aku tengok buat arca ni aku punya *full timer* [sic, full time][Sepenuh masa] buat walaupun aku ni nama *student* [pelajar] kan, (Gangguan bunyi) masuk semua pameran, masuklah apa-apa pertandingan sebagainya. *So* [Jadi], saya buat macam tu lah. Saya buat - - dan terus sampai ke - - (Meletakkan jari di bibir) sehingga saya bila saya *graduate* [graduan] je saya dah me - - dah saya punya *profile* [profil] saya (Memandang penemubual) dah banyak dah. Saya dah ada lebih kurang sepuluh [10] pameran, saya dah ada pameran berkumpul, saya dah menang dua [2], tiga [3] *award* [anugerah] yang utama macam tu. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Saya menang bakat muda kan itu semua *platform* - - [pentas] yang saya terokai lah. Itu antara kenangan-kenangan manis lah. Seterusnya, selepas tu saya (Meletakkan jari di bibir) - - sembilan puluh lima [95], setahun selepas saya habis buat pameran solo saya. Arca kalau zaman tu, nak buat solo arca ni memang orang kata pelik lah,(Memandang ke arah penemubual) gila lah kan. Kalau buat painting - - [lukisan] (Menunjuk ke arah lukisan-lukisan) ni senanglah kan.

**AZ : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Arca kan. Tapi saya kadang-kadangan saya kata saya ni orang yang mungkin dah matang lagipun bila dah kerja jadi cikgu ni walaupun saya cuti belajar saya dapat gaji jugak sikit kan. *So* [Jadi], saya *spend* [berbelanja] duit lah beli *machine* [mesin], beli apa kan. *So* [Jadi], saya pun masuklah (Bunyi ketukan)(bunyi pemberitahuan telefon), saya pun buatlah solo saya macam tu kan dan (Bunyi ketukan) selepas solo sembilan puluh enam [96] saya

menang pulak *major award* [anugerah utama] di - - peringkat Antarabangsa, (Memandang penemubual) pertama kali kan. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) 'Philip Morris' saya menang, dua belas ribu [12 000] masa tu kan, besar jugak lah ketika itu dan saya pergi ke Jakarta [Indonesia], \_ pameran di sana pastu balik ke Singapura. So [Jadi], itu antara titik-titik (Memandang penemubual) permulaan saya lah ke luar negara ba-wak karya. Itu semua kerana karya arca, (Gangguan bunyi) dan tahun-tahun seterusnya saya jugak bergiat cergas. Walau - - kalau tak pergi pun, saya selalu menyertai pameran-pameran di - - dalam negara dan jugak di luar negara dan pertandingan-pertandingan. Ok, (Meletakkan jari di bibir) dan saya jugak untuk arca awam ni saya bermula - - untuk arca awam eh, saya bermula tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan [1999]. Sembilan puluh tujuh [97], sembilan puluh sembilan [99], Sembilan puluh tujuh [97] tiga tahun ni, saya - - ni kalau awak tengok ni yang ni. (Menunjuk ke arah arca menggunakan jari telunjuk)

**NAA : (Menoleh ke arah arca yang ditunjuk oleh tokoh)**

**AZ : (Menoleh ke arah arca yang ditunjuk oleh tokoh) Yang mana?**

RZ : Amik jap, saya nak tunjuk.

**AZ : Ni?**

RZ : Bukan - - yang ni. [bercakap sambil menunjuk arca]

**AZ : (Mengambil arca yang tokoh mahukan)**

RZ : (Gangguan bunyi ketukan)(Bercakap sambil memegang arca) Ni - - model dia lah. Kalau nak buat arca awam tu ada model dulu eh. Yang ni tahun sembilan puluh [90] jap saya tengah cuba ingatkan, tahun - - lapan puluh sembilan [89] kot. Tahun lapan puluh Sembilan [89] macam tu. Ni model dia. Arca ini saya buat di - - dibina ni arca awam saya yang pertama eh.

**AZ : Wah ! (Teruja sambil mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil memegang arca) Dibina di (Gangguan bunyi) Wisma - - Traktor Subang Jaya \_ [Selangor, Malaysia]. (Memandang penemubual) Tapi sekarang takde dah. Selepas berbelas tahun, dia dah dihilangkan. Itu masuk isu yang lain lah. (Membetulkan kedudukan kaki) Arca ini saya buat eh - - (Memandang ke atas sambil berfikir) sembilan puluh [90] berapa eh, aku lupa lah. Sembilan puluh lapan [98] kot lah eh arca ni. (Menunjuk arca menggunakan jari telunjuk) *So* [Jadi], ini arca awam saya yang pertama. Kemudian dari situ saya tak menoleh lagi, saya cuba buat arca-arca awam yang seterusnya eh. Saya buat banyak jugak di Kuala Lumpur [Malaysia] ada, kemudian saya dapat peluang ke Vietnam eh tahun (Membetulkan cermin mata) dua ribu - - dua ribu empat [2004]. Saya buat arca awam (Memandang ke arah atas di sebelah kiri sambil menunjuk ke arah belakang) - - (Mengeluh) gambar dekat luar, awak tengok la dalam saya punya blog eh. Saya dapat satu peluang buat arca awam di Vietnam pakai batu, pakai batu dia punya tu eh (Menunjuk ke arah batu berwarna putih) nampak tu, putih tu, yang ni.

**AZ : (Melihat ke arah batu yang ditunjukkan oleh tokoh sambil mengangguk)**

**NAA : (Melihat ke arah batu yang ditunjukkan oleh tokoh)**

RZ : Itu sebahagian daripada batu lah. Tu modelnya tu, (Mengusik wayar) nak tunjuk dekat kau, nampak?

**AZ : Nampak. (Bercakap sambil mengangguk)**

RZ : (Membetulkan kedudukan kaki)(Menunjuk model di rak) Yang putih ni kan, tu model dia lah. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Buat model dan buat tu. Arca awam kena ada model, kalau tidak susah nanti nak kena besarkan. (Cubaan meletakkan arca)

**NAA : (Bercakap sambil menunjuk ke arah arca) Kalau macam arca tu sendiri kan, apa maksud dia.**

**AZ : (Menyampuk) Maksud dia.**

**NAA : Ha'ah.**



RZ : Oh nak cerita maksud pulak? (Memegang semula arca dengan kedua belah tangan)

AZ : **(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Ha'ah macam tertanya-tanya.**

NAA : **Ha'ah. (Menunjuk ke arah arca) Kenapa nak kena macam ni, kenapa? (Bunyi klik pen)(Ketawa kecil)**

RZ : (Ketawa) Ok. (Bercakap sambil mengangkat dan memusingkan arca) Arca ni tajuknya (Memandang penemubual) Uniti, (Gangguan bunyi) 'bersatu teguh bercerai roboh'. (Memandang penemubual) Semua dah tahu. Arca ni sebenarnya *content* [kandungan] dia, saya nak membagi [sic, memberi] maksud dalam negara Malaysia ni, kita perlu ada sikap bersatu padu, tolong-menolong yang ini yang \_\_ kita tengok kita punya simpulan bahasa kan 'sebatang kayu \_\_ rapuh \_\_ seberkas kayu'. (Memandang penemubual)(Bercakap sambil menerangkan makna arca) *So* [Jadi], yang ni seberkas kayu lah. Ni ada empat belas [14] batang. Empat belas [14] batang ni mewakili setiap satu - - negeri.

NAA : **Owh. (Mengangguk)**

AZ : **Owh.**

RZ : (Bercakap sambil memegang bahagian arca) *So* [Jadi], ni satu Malaysia yang bersatu kita katakan kan. Atas ni ada bunga ni (Menunjuk di bahagian atas arca) tapi dah hilang dah (Ketawa kecil)

AZ : **(Ketawa kecil sambil memandang ke arah arca)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dia bersatu kan yang inilah pai eh, macam kek. *Piece of cake is* [Sepotong kek ini] Malaysia lah. Bumi kita bulat kan, amik sebahagian *slice* [kepingan].

NAA : **(Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Sikit-sikit je.**

RZ : Letak sini kan. (Menunjuk arca)

NAA : **(Mengangguk tanda setuju)**

RZ : So [Jadi], (Menunjuk bahagian arca) dua tunjang ni kerajaan negeri dan kerajaan pusat lah.

AZ : Oh. (Mengangguk)

NAA : (Mengangguk)

RZ : (Bercakap sambil memegang arca) So [Jadi], jadi sekarang ni nak mem - - tahu nak membina negara mestilah 'bersatu teguh, bercerai itu akan roboh'. So [Jadi], saya menggunakan elemen-elemen dalam prinsip seni lah, (Menyentuh bahagian arca) mengulang kan garisan-garisan kan, mengulang - - (Memandang ke arah penemubual).

NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Boleh katakan ada apa - - unsur-unsur patriotisme [patriotik] dalam - - (Menunjuk ke arah arca)

RZ : Ya - -. (Menunjuk arca) Yang ni, yang ni konsepnya patriotik lah

NAA : Ha'ah. (Mengangguk)

RZ : Ataupun kenegaraan. (Memandang penemubual) Yang ni arca saya yang pertama *that's why* [Sebab itu] dipilih, kalau tak dia pun taknak pilih.

NAA : (Ketawa kecil sambil memandang tokoh)

AZ : (Ketawa kecil sambil melihat arca)

RZ : Yang ni dipilih oleh Hijjas Kasturi [Arkitek]. Ni - - lebih kurang je lah maknanya, yang lain-lain tu (Memandang penemubual) *formal order* [susunan rasmi] lah. *Formal order* [Susunan rasmi] ni maksudnya ada - - (Menyentuh bahagian arca) kenapa dia panjang, kenapa dia pendek kan. Ini - - elemen-elemen dalam *art* [seni] lah. Dalam *art* [seni] ni, dia tak boleh macam buat kerusi. Buat kerusi, sama kan. (Menunjuk kerusi)

NAA : (Ketawa sambil memandang ke arah kerusi)

**AZ : (Ketawa sambil memandang ke arah kerusi)**

RZ : Kau kalau buat kaki sebelah sebelah senget dia jatuh (Memandang penemubual)

**NAA : (Ketawa). Ya (Mengangguk tanda setuju)**

RZ : Arca tak. (Memandang penemubual)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Arca dia ada elemen tertentu.

**AZ : Itulah seni. (Membuat sedikit pergerakan tangan)**

RZ : (Mengangguk kemudian menoleh ke arah rak) Ya, betul. Dia boleh dipusing, boleh di apa kalau macam ni (Menunjuk tangan ke arah rak) bahan-bahan terbuang lagi lah kan.

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : Itulah kelebihan *art* [seni] sebenarnya, itu. (Bercakap sambil mengangkat arca) Jadi itulah maknanya kalau arca ni, yang lain tu banyaklah, (Meletakkan arca di atas kaki yang disilang) ni kalau nak cite dua [2] hari dua [2] malam baru habis. Macam ni kan tradisi *art* [seni] (Menunjuk ukiran di bahagian arca)

**AZ : (Melihat ukiran arca yang ditunjuk oleh tokoh)**

**NAA : (Melihat ukiran arca yang ditunjuk oleh tokoh)**

RZ : Mungkin ni saya mengambil (Memandang penemubual) ukiran melayu tradisi kita, takik kan.

**NAA : (Mengangguk sambil memandang tokoh)**

RZ : Kalau kita tengok orang buat ukiran kan ada takik - - kan, yang ni konsep dia lah. [mengira] satu [1], dua [2], tiga [3], empat [4], lima [5]. Lima ni rukun - - negara lah.

**NAA : (Mengangguk sambil memandang arca)**

**AZ : (Mengangguk sambil memandang arca)**

**NAA : (Menulis)(Bunyi klik pen)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan)  
Pernah tak dalam pengalaman Encik buat arca kan tiba-tiba tak jadi? (Ketawa kecil)**

**RZ : Biasa. Bukan tak jadi je, dah buat-buat orang tak ambik pun ada (Memandang penemubual)**

**AZ : Owh**

**RZ : Kadang-kadang kalau arca awam ni kita bergantung kepada komisen kan (Pergerakan tangan)**

**NAA : Ha'ah (Mengangguk tanda setuju)**

**RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Kadang-kadang, dia tengok lah kalau - - saya, kebanyakan arca saya di - - diminta (Menggaru dahi) oleh syarikat-syarikat dan jugak kerajaan. (Memandang penemubual) Dia takde bimbang tapi kalau ada yang syarikat-syarikat kecil ni kan dia janji je, (Memandang ke arah penemubual) buat-buat kan \_\_ tu.**

**NAA : (Menyampuk) Dia cakap lah dia nak macam mana. (Membetulkan pelitup muka dan hidung)**

**RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Bila saya dah buat, dah tunjuk kadang hantar dia taknak, (Memandang penemubual) taknak terpaksa kita amik balik. Itu antara risiko lah. Risiko seorang pengar - - seorang *artist* [seniman] ni dia kadang-kadang (Mengusik arca) yelah dia ni, benda ni bukan makan kan, tak makan lapar. (Memandang penemubual) Arca takde kan?**

**NAA : Ha'ah (Mengangguk)**

**RZ : Rasa suka nak beli, (Bercakap sambil mengangkat arca) belilah dia kata kan, kalau tak beli, takde lah macam tu.**

**AZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Tapi sebelum nak buat tu diaorang ada bagi modal dulu?**

RZ : (Mengangguk) Dia cite kos ni kan, arca awam ni dia - - arca awam eh, dia ada berbeza dengan arca-arca (Menunjuk arca-arca di rak) konteks galeri ni sebab konteks galeri ni bila saiz dia kecil, modalnya.

**NAA : (Menyampuk) Tak berapa banyak.**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Hanya dikeluarkan oleh seorang pengarca tu sendiri tapi kalau arca awam ni bila kita nak bina dia dengan ratusan ribu harga, kita kena cari (Memandang penemubual) *sponsor* [penaja] ataupun *ownership* [pemilikan] yang nak.

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Jadi, bila katalah peringkat awal ni kita hantar mereka - - ni saya cite sikit peringkat awal nak bina arca arwam [sic, awam] eh sebab dapat konsep bila kita dipanggil untuk menentukan (Bunyi klik pen) bentuk dan sebagainya, kita kena balik dan berfikir, buat *research* [penyelidikan] sikit, apakah bentuk-bentuk yang sesuai dengan kehendak *owner* [pemilik] kita. Maka, kita siapkan (Memandang penemubual) satu proposal [kertas cadangan] dan sebagainya lah.

**NAA : (Mengangguk tanda mengiyakan)**

RZ : (Gangguan bunyi)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Kertas kerja yang ringkas. Dalam kertas kerja tu akan mengandungi lukisan-lukisan awal, lakaran-lakaran awal, (Gangguan bunyi) dia punya bentuk macam mana, *content* [kandungan] arca tu macam mana, konsep arca macam mana, bahan macam mana, (Memandang ke arah penemubual) kos dia macam mana. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Dekat kos tu nanti kita bahagi-bahagi lah, itu yang kita selalu *submit* [serahkan]. Peringkat pertama bila dah *submit* [serahkan] tu, bila dah ada persetujuan, mereka akan panggil kita mesyuarat untuk *detail* [perincian] kan

konsep tu, kita ada konsep lah, tak buat lagi model pun. *So* [Jadi], ketika itu kita boleh tekankan dekat dia sekiranya sa - - selalu saya buat lah. Sekiranya (Mengusik arca) pihak tuan punya syarikat hendak, kita dah kena ikut (Memandang ke arah penemubual) *flow* [aliran] *costing* [kos] tadi dimana ada *portion* [bahagian] untuk (Memandang penemubual) *consultancy* [perundingan], *portion* [bahagian] untuk *design* [reka bentuk], *portion* [bahagian] untuk bahan, *portion* [bahagian] untuk *construction* [pembinaan], *portion* [bahagian] untuk membina dan *portion* untuk memasang (Memandang penemubual sambil mengangkat tangan) dan *portion* [bahagian] untuk *maintenance* [penyelenggaraan]. Tu beberapa fasa lah. *So* [Jadi], dah kita dah kena *write down* [menulis] lah yang ini enam puluh [60] peratus sebelum buat saya nak dulu duitnya. (Memandang penemubual)

**NAA : Oh. (Mengangguk)**

RZ : Begitu. (Bercakap sambil memandang penemubual dan melakukan pergerakan tangan) Yang ni selepas buat empat puluh [40] peratus *you* [awak] kena bayar. Macam tu lah, dia tak bagi selepuk lah.

**NAA : (Menyampuk) Berperingkat lah. (Menoleh ke kanan)**

RZ : (Mengangguk)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) Berperingkat-peringkat, jadi bila persetujuan dah diadakan *so* [jadi] kita takde (Memandang penemubual) masalah lah.

**AZ : (Mengiyakan)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *So* [Jadi], kita *follow* [ikut] macam tu lah. Peringkat kedua baru kita buat model. Dia nak tengok "*I need to see 3D*" [Saya nak tengok 3 dimensi] dia kata *so* [jadi] (Mengangkat arca) kita pun buat 3D lah, tunjuk. Ok, *proceed* [teruskan] dia kata, kita pun buatlah. Ketika membuat ni, bila kita membina dah (Meletak arca di atas betis) agak-agak tiga puluh [30] peratus pembinaan, kita pun (Memandang penemubual) *submit* [serahkan] dekat dia. Dia macam kita kerja kontrak lah, dia pun bayar lah. (Memandang ke arah penemubual) Tapi

ada jugak - - saya pernah jugak bekerja dengan orang tengah lah (Memandang penemubual) kita panggil.

**NAA : Ha'ah. (Mengangguk sambil melihat kertas)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Kita punya *dealer* [peniaga] eh, saya punya pengurus lah, dia yang dapatkan (Memandang penemubual) projek. *So* [Jadi], (Memandang penemubual) saya dengan dia lain pulak ceritanya. (Bercakap sambil mengangkat-angkat tangan) Harga tu dia dengan dia tu, dia uruskan dengan *ownership* [pemilikan] tapi saya dengan galeri. (Menunjuk ke hadapan)

**AZ : Oh. (Mengangguk)**

RZ : Saya kata, saya punya tiga puluh lima ribu [35 000] ataupun enam puluh ribu [60 000].

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) *So* [Jadi], saya dengan dia *sign* [tandatangan] lah. Saya nak bayaran, nak *lumpsum* [sekali gus] dua kali. (Memandang penemubual) Dia akan bayar saya. Ok, Rosli.

**NAA : (Menyampuk)(Bercakap sambil melakukan sedikit pergerakan tangan) *So* [Jadi], orang tadi tu lah yang cari kat mana.**

RZ : Ya, (Mengangguk tanda setuju) ada jugak. (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Ada - - *art consultant* [perunding seni] ni - - macam saya sekarang *art consultant* [perunding seni] kan, kata lah satu tempat hendak, tak semestinya saya yang bina. Kalau nak lima [5], mana larat amik macam tu. Dia biar aku carik orang lain lah. (Bercakap sambil menunjuk ke hadapan menggunakan jari telunjuk) "kau nak tak?", (Memandang penemubual) aku pun carik.

**NAA : Owh.**

RZ : Tapi (bunyi pemberitahuan telefon)

**NAA : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Sorang bina kat sini, sorang bina kat sini.**

RZ : (Mengangguk untuk mengiyakan) Ya - -. Saya *deal* [berurusan] dengan pengarca, (Menunjuk ke arah hadapan) saya jugak *deal* [berurusan] dengan ownership (Menunjuk ke sebelah kanan)

**NAA : (Mengangguk)**

RZ : (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan dan memandang tokoh) So [Jadi], ma-cam jadi meniaga lah, saya punya harga lain lah kan.

**NAA : Ha'ah. (Mengangguk)**

RZ : Dia dengan tu lain lah macam tu. Tu caranya yang - - biasa kita buat lah, tu kalau arca awam lah. (Meletak model arca di atas meja).

**AZ : (Memandang kertas) Boleh kami tahu, arca awam (Pergerakan tangan) ni ada banyak jenis ke? (Melihat ke arah arca yang diletakkan oleh tokoh).**

RZ : (Bercakap sambil melihat arca) Apa maksud banyak jenis tu? (Meletakkan tangan di pipi)

**AZ : (Bercakap sambil melakukan sedikit gerakan tangan dan melihat tokoh) Ke dia memang arca awam tu memang satu tu je untuk *public* [awam] \_ pameran.**

RZ : Tak kut. Ini faktor usia. Bukan usia tak boleh buat. Saya fikir cukup. Macam saya kate kat awak, saya *reflect* [merenung] balik sebelum saya tidur saya berdoa dulu, dulu bila mula-mula belajar berdoa “Tuhan ku jadikan aku antara apa nama artis yang berjaya kat Malaysia”, yang kedua “kalau boleh jadi aku orang yang terkenal dekat antarabangsa jugak”. Saya dua-dua dapat dah. Saya fikir bukan masa untuk kalau ada ada kalau takde pun takpe. Cuma sekarang masa saya untuk *sharing* [berkongsi].



**NAA : Kongsikan.**

RZ : Saya suka kongsi dengan orang lain dekat budak-budak orang panggil saya pergi ceramah macam lepas lepas saya pergi sana pergi sini. Kalau awak rajin awak tengok saya punya program. Awak tengok saya punya FB awak tahu borak arca bergerak tiap tiap minggu. Saya pergi ke seluruh negara. *Last* [Terakhir] saya sebelum ni saya buat di Kuantan [Pahang, Malaysia] di Temerloh [Pahang, Malaysia] semua tu. Saya pergi apa melawat (Gangguan bunyi) semua studio artis arca ni saya nak bantu mereka berkembang dan masa yang sama orang masyarakat luar tahu. Studio ni macam ni macam ni *so* [Jadi] saya buat dah dekat lebih kurang lima puluh [50] siri (Gangguan bunyi). Lima puluh [50] siri *you* [awak] boleh tengok saya punya FB, saya tulis kat situ 'Borak Arca'. *So* [Jadi], dan ini di *support* [sokong] rupanya, dana datang dari \_ tu saya seronok sebab cita-cita saya, benda ni saya nak *sharing* [berkongsi] sekarang ni antaranya niat saya bukan nak gila-gila buat dah nak gila-gila pergi sekolah-sekolah kalau boleh. Sekarang kawan-kawan ramai, saya dulu cikgu ramai kawan-kawan panggil saya pergi Perlis [Malaysia] pergi Terengganu [Malaysia] (Gangguan bunyi ketukan) cerita-cerita dekat sekolah. *So* [Jadi] ini salah satu cara untuk kita *sharing* [berkongsi] dengan orang lain. *So* [Jadi] itu yang saya angan-angan sekarang ni dan dah buat pun. Cuma itu sebab bila *you all* [awak semua] cakap nak "Dr. boleh saya - -" orang orang macam ni saya terus sambut je. Saya tak kisah saya tak kata "tidak" saya okay dulu walaupun kadang-kadang jadual penuh. Sebab saya niat nak itu (Gangguan bunyi) nak *sharing* [berkongsi]. Lepas tu saya boleh cerita banyak tujuannya itu (Ketawa kecil) sebab kalau saya tak cerita bila lagi saya nak cerita.

**AZ : Betul. Ini la peluang nak - -**

RZ : *You* [Awak] boleh kongsi, mana saya boleh kongsi kat awak saya pergi ke Perlis [Malaysia] saya pergi ke studio seorang artis otai orang lain tak peduli dia pun tapi saya pergi saya ambil dia saya *live* [secara langsung] dekat FB semua orang suka. Tengah tengah saya nak habis tu saya jumpa cikgu dia mengajar tingkatan tiga [3] kalau buku sekolah saya punya muka semua ada kat situ saya tokoh kononnya jadi

dia datang kat saya pelik kenapa cikgu? “saya nak Dr. bercakap jugak” kata dia (Gangguan bunyi) “saya nak mengajar esok” dia kata belajar pasal arca buku tu ada muka cikgu saya nak biar dia tu jadi video. Saya cakap “Bagus jugak” maknanya ada impak. *Impact* [Kesan] tu ada *so* [jadi] itu yang saya hendak, biar dia ambil saya terus buat rakaman dengan dia. Pastu dia tunjukkan masa dia tengah mengajar budak-budak. Sekarang *online* [atas talian] “tiba tiba doktor Rosli bercakap” dia kata dari buku. Jadi saya seronok benda macam ni. Bila saya dapat menyumbang saya rasa suka. Itu keutamaan saya sekarang. Dah lima puluh [50] lebih pun lima puluh tujuh [57]. Itu keutamaan saya. Sebab itu nanti anak-anak boleh jadi bekal saya bila saya balik kampung hakiki.

**AZ : Insy Allah. (Gangguan bunyi ketukan)**

RZ : Mudah mudahan macam tu.

**AZ : (Gangguan bunyi ketukan) Seterusnya, pernah tak ada arca encik hasilkan diperkenalkan dekat luar negara (Gangguan bunyi ketukan) dalam negara ke? kiranya kalau encik pergi apa *Talk* [ceramah] ke encik bawak ke arca encik yang kecik kecik.**

RZ : Itu macam saya kate tadi, saya hampir tiap tiap tahun saya pergi ke luar negara terutamanya di Jogja [Indonesia] *so* [jadi] saya cakap *sharing* [berkongsi] ilmu di sana di samping orang lain perkenalkan saya banyak selalu - - saya akan sediakan satu *slide show* [tayangan slaid] untuk mereka dan saya akan dedahkan kepada masyarakat luar. Tapi saya pun ta-tak berangan tak berhajat sangat jadi seperti Ronaldo [Pemain bola sepak profesional] ke jadi seperti Picasso [Pablo Picasso, pelukis terkenal] tak macam tu saya menyumbang ke kerangka masyarakat sendiri pun dah cukup dah. Kat luar tu bonus orang kata bonus. Biar orang nak kena, kenal.

**NAA : Kalau ada peluang ada.**

RZ : Tak kenal pun peduli apa diorang bukan apa dengan kita. Tapi kat sini kalau boleh sekurang seluruh sekolah kat Malaysia dapat kenal arca dapat tahu Dr. Rosli buat arca macam tu pun cukup. *So* [Jadi] saya rasa benda tu dah nampak berlaku sebab

beberapa buah buku text sudah ada menceritakan pasal arca, perkembangan dia tokoh-tokoh sahabat sahabat saya ada, saya pun ada, dan saya juga menulis buku tingkatan empat [4] sekolah seni tentang arca sendiri, *so* [jadi] saya rasa benda itu sudah memadai. Tapi sememangnya ada kalau di luar geng geng di Thailand selalu dia - - kita bila ada *networking* [hubungan social] ni dia akan mintak kita akan hantar. (Semua terdiam seketika) habis dah?

**NAA : Ada sikit lagi. Macam mana encik nak dapatkan ilham nak hasilkan arca awam?  
Macam time tengah duduk ke tengah makan ke tengah rehat rehat ke?**

RZ : Itu yang kau cerita tu cerita mula mula dulu (Ketawa kecil) dia (Sambil berfikir seketika)-- imam kalau dua puluh [20] tahun jadi imam, imam dua puluh [20] tahun kau suruh baca doa apa je hujung jari dah. Tak payah menung lama-lama nak buka kitab balik. *So*, [jadi] artis pun macam tu jugak bila dah lama dah amalkan amalan-amalan seorang artistik buat *sketches* [lakaran] dan sebagainya macam saya kata semua ada dalam kepala bentuk-bentuk jadi bila kita keluar kita jumpa sesuatu saya kata kepentingan artis ini ialah - - saya selalu cakap kat budak-budak saya “*Don’t see thing*” [jangan lihat bend] jangan lihat benda, *but* [tapi] “*but think thing*” [tapi fikirkan perkara] fikir tentang benda aku nampak, aku fikir tentang dia macam tu. Lama lama fikiran tu dia dah bercambah dalam kepala dia dah - sim - - dah banyak *stock* [simpanan] dia punya pengalaman masa lepas berfikir dah ada dalam ni. Jadi untuk mencari idea tidak begitu sukar. Sukar jugak kadang-kadang perlu juga ilham (Gangguan bunyi ketukan) tapi ilham tu selalu banyak dah terkumpul di kepala ni dia tunggu masa untuk zahir.

**NAA : Ha’ah (mengiyakan) tunggu nak buat je.**

RZ : Orang sebut pasal kotak tiba-tiba kita dah tahu kotak ni apa?

**NAA : Kotak ni boleh buat apa je?**

RZ : Orang sebut kata tema merdeka macam ni, aku dah nampak. Kelebihannya lagi saya ni mengajar Tuhan dah janji aku bagi kau satu [1] aku dapat sepuluh [10]. Itu kelebihan saya rasa mengajar *is the best therapy* [Adalah terapi terbaik] untuk

jadi seorang artis yang kreatif jugak. Kita bagi dia sepuluh [10] kita dapat dua puluh [20] dapat seratus [100].

**AZ : Lagi banyak kita kongsi lagi banyak kita dapat.**

RZ : Ya - - jadi saya rasa untuk saya ilham ni duduk termenung itu *normal* [biasa] termenung - - itu ok. Kadang-kadang depan TV kita duduk macam tadi dekat situ dekat meja duduk (Gangguan bunyi ketukan) dia dah macam habit tau melakar-- ni terapi.

**AZ : Macam terfikir.**

RZ : Ya - - Mahathir [Tun Dr. Mahathir Mohamad, Bekas Perdana Menteri ke-4 dan ke-7] kata “kalau nak panjang umur ke apa” (Gangguan bunyi ketukan) panjang umur pulak mudah mudahan fikir bagi gerak biar subur kepala. So [Jadi] bagi saya ilham itu boleh ada di mana mana boleh ada dah tersimpan dan kita tinggal lahirkan dalam bentuk 2 dimensi dan arca sendiri. Arca boleh letak biar *sketches* [lakaran] jangan salah faham buat lakaran satu kaedah saja kalau Demi Smith [Seni bina] takde dia letak kat lantai lukis kat lantai dia potong dia cantum. So [Jadi] macam ni saya kadang tak perlu sangat lakaran, lakaran sebagai panduan saya tengok bahan kat situ saya dah boleh ambil saya cantum cantumkan so [jadi] maknanya idea tu datang seponatan di situ pun ada sebab kita dah pernah *train* [melatih] benda ni kalau tak pernah buat memang tak jadi. Saya benda benda ni akan berlaku.

**NAA : Pernah ke macam tengah buat arca lepastu macam *give up* [mengalah] macam putus asa lepastu kenapa? Pastu macam mana nak atasi?**

RZ : (Berfikir) sebagai seorang artis benda tu kena ada tu - - (Menunjuk ke arah dinding) tengok kat dinding tu arca dinding tu nampak yang putih-putih tu kan sampai sekarang tinggal *give up* [mengalah] tu.

**NAA : *Give up* [Mengalah]?**

RZ : *Give up* [Mengalah] tak boleh buat apa ta-tak seronok alamak tak leh buat apa tinggal tak *best* [seronok] tinggal.

**AZ : Macam tu sebab dah takde idea ke dah memang--**

RZ : Dia kadang-kadang-- yang ni- bahaya jugak dia kadang-kadang ada mood tengok dia macam tak *best* [seronok] buat lain saya buat lain. Sama macam *sketches* [lakaran] tak siap pun pindah lain - - sama jugak dalam ni tengah buat satu kalau rasa tak *best* [seronok] tinggal dulu buat benda yang lain. Dia bukan tinggal dulu tapi satu ketika nanti dia datang balik dia boleh guna.

**NAA : Datang balik tahu apa nak balik.**

RZ : Kita *sketches* [lakaran] hari ni bukan buat semestinya buat hari ni mungkin tiga puluh [30] tahun nanti arca-arca yang saya tunjuk kat awak dah berpuluh tahun tu saya tak guna tu saya guna bahan tu buat benda yang lain. So, [Jadi] benda-benda ni bagi saya tak jadi tu bukan tak jadi 'tak jadi' (Gangguan bunyi ketukan) tak jadi tu ada - - sebab - - mungkin jadi untuk lain.

**AZ : Tunda dulu.**

**NAA : *Hold* [Tangguh] dulu?**

RZ : Sebab kalau awak tengok saya tak buang setengah orang terus campak saya ta-k campak satu ketika saya nak guna yang tu tengok kayu-kayu yang saya ikat (Tunjuk ke atas) yang atas kepala awak. Yang cross [silang] awak tahu tak idea dia dari mana? Idea dari China (Bunyi pemberitahuan telefon) dua ribu enam belas [2016] saya pergi China sebulan buat *sculpture* [arca] saya buat clay [tanah liat] saya buat casting [acuan] saya dah bagi tahu awak. Saya buat besar bila besar tanah liat bila kau tempek dia boleh jatuh. Datang besok malam [Cis,pagi] pagi besok dah jatuh so [jadi] kayu ni (Bunyi pemberitahuan telefon) digunakan dia balut dulu untuk mengikat dia supaya jangan jatuh kata ni sebatang ni kalau letak tanah liat besar dia jatuh tapi kalau kau balut dengan tu yang dia ada macam *texture* [permukaan] kayu tadi tu nanti dia boleh pegang sebab saya bawak balik sampai sekarang tak buat apa pun tapi saya rasa macam *best* [seronok] bentuk ni sampai sekarang. Saya tak tahu mungkin satu hari.

**AZ : Macam encik kata yang tadi, dah lama lama.**

RZ : Yang tu kaki belakang, tu bukti yang nyata, Banyak kalau nak cerita pun. Ubah-ubah suai, macam ni, ni lama punya dia dah hilang separuh dia punya rumah dah hilang tapi mungkin boleh jadi *work* [kerja] lain. Boleh jadi *work* [kerja] baru.

AZ : **Betul.**

RZ: *So don't worry* [Jadi jangan risau] tak jadi *don't worry give up* [jangan risau putus asa] dia tak *give up* [mengalah] dia boleh jadi lain.

NAA : **(Mencari soalan) Lepastu apakah pendapat-- macam pernah tak buat kerja arca awam ni berbeza pendapat dengan pengarca yang lain?**

RZ : Berbeza pendapat ni bagus sebenarnya. Bukan arca awam je. Jadi seorang artis ni kalau aku buat sorang- dari A sampai Z - - sebab dalam dunia pendidikan dari dunia formal belajar *art* [seni] ni dia ada satu sesi dia panggil kritik *art* [seni] - - dalam bidang seni keseluruhan pun kat dunia ni ada satu teori dia panggil "Teori Kritikan Seni". Teori ni penting. Teori penting maknanya ia boleh timbul perselisih [sic, perselisihan] pendapat macam tadi. Orang yang bagi kritik ni adalah orang yang ngomen [sic, komen], yang *complain* [mengadu] - - ni bagus sebenarnya untuk diambil melihat.

NAA : **Kalau kita buat sorang sorang kita tak nampak.**

RZ : Ye betul, sorang sorang tak nampak. Saya sa-ya bagi saya pengkritik saya sape- saja anak anak saya pun boleh tolong saya (Bunyi pemberitahuan telefon) satu tika karya saya dah jual. Karya saya tu (Bunyi klik pen) saya takde idea pun saya letak kat situ tetiba anak saya cakap "kalau ayah dudukan dia kat atas" duduk tinggi. *So* [Jadi] saya pun ambil saya letak kat atas dan karya terjual. Idea dia *so* [jadi] maknanya sini paling penting kita kata ego jangan tinggi.

NAA : **Betul.**

RZ : Artis ni ego dia tinggi. Sekarang kat Malaysia kalau kau tengok \_ kita. Saya ni artis education yang ada pendidikan formal kalau kat luar ramai yang senator artis yang tak belajar kat mana mana pun dia boleh buat, diorang ni selalu bergaduh. Dia kata

kau “eksen [berlagak]”. Mentang-mentang belajar Universiti aku tak belajar. Saya cakap senang saja *problem* [masalah] korang ni bukan soal akademik tak akademik soalnya.

**NAA : Ego.**

RZ : Sikap.

**NAA : Tak terima pendapat orang lain.**

RZ : Ego. Engkau tak artis pun ada ego jugak (Bunyi pemberitahuan telefon) betul tak?

**AZ : Betul.**

RZ : jadi artis pun ada je yang takde ego. Maksudnya yang perlu kita uruskan bukan kita punya *style* [gaya] kefahaman tentang *art* [seni] tu. Sikap kita ni. Imam-imam pun ada ego jugak. Bukan dia artis pun. Jadi jangan salah dia - - kita tak boleh pukul rata wah artis akademik ni artis orang-orang yang hebat-hebat tak dia tak macam tu. Dia mesti tengok sikap dia. Jadi untuk menjawab yang ni saya suka sangat kalau orang yang berbalah dalam konteks berbalah bukan bergaduh. Kalau bergaduh semua orang tak suka. Berselisihan pendapat dan banyak kali berlaku pun saya sendiri pun banyak berlaku. Kadang kadang sampai merah padam tapi lepas tu kita realize [sedar]. Kita berbalah dengan satu aturan seni. Bahasa yang betul. Kalau kita kata soal bentuk kita cakap “bentuk kau macam mana?”, *texture* [permukaan] macam mana kau punya pemahaman tentang *texture* [permukaan]”. Bukan bergaduh dalam konteks yang bukan-bukan. Berbeza idea dan sebagainya bagus itu bagus. Aku galakkan jugak sebenarnya.

**AZ : Ye, kita manusia pemikiran lain-lain.**

RZ : Betul

**NAA : Pendapat pun.**

RZ: Ya - - raikan - -. Itu ayat dia. (Bunyi klik pen)

NAA : Seterusnya kita tahu sendiri bidang apa pun kita ceburi (Bunyi pemberitahuan telefon) ada saingan. Macam bidang arca ni encik rasa tak saingan tu? Saingan dengan kawan kawan ke?

RZ : Okay. (Getaran telefon) yang ini mungkin saya boleh pusing sikit soal *market* [pasaran] *marketing* [pemasaran]. (Gangguan bunyi ketukan) Sejarah Malaysia dua [2] dimensi dengan tiga [3] dimensi *painting* [lukisan] dengan arca ni banyak kali orang cerita \_\_\_\_\_ (Gangguan bunyi ketukan) untuk *market* [pasaran] kat Malaysia semuanya suka benda yang cantik- dan digantung di dinding. This is the *phenomena* [fenomena] sejak enam puluh an [60an] sampai sekarang sebenarnya berlaku lagi. Cuma lima [5] tahun kebelakang ini *art market* [pasaran seni] kat Malaysia telah di dominasi oleh orang-orang Cina. Orang-orang Cina yang ya-ng telah menjalankan *option* [pilihan] lelongan. Dulu lelong takde kat Malaysia. Di Je-pun di Hong Kong tapi lima [5] tahun ke belakang ni kita dah ada \_ dah ada \_ bulan lepas ada lelong. Yang dominasi lelong ialah geng- Cina yang dia belajar *art* [seni] untuk *business* [berniaga]. Kita dulu silap kita belajar *art* [Seni] tak pasal *business* [berniaga] patutnya kita belajar untuk *business* [berniaga] sebab *art entrepreneur* [usahawan seni] kita baru kenal. Dan ramai orang gagal jadi artis kerana takde *art entrepreneur* [usahawan seni] sekarang dah ada. Masalahnya pulak sekarang ni bila domainasi orang orang yang aku cakap tadi ni maka artis-artis muda, artis-artis muda terutamanya *painter* [pelukis] (Gangguan bunyi ketukan) mereka kejar ke situ itu *problem* [masalah] jugak kita kata kekomersialisme kita komersial kita punya *work* [kerja] semua *work* - - [kerja-kerja] ni tak kisah apa cerita asal nak *trend* [tren] sekarang geng-geng nk macam ni boleh buat dia buat dia buat *so* [jadi] semua ni akan mematikan nilai estatik yang ya-ng murni tadi sebab kalau ikut \_ kita kata melacurkan karya. Kalau kita kata kejujuran (Gangguan bunyi ketukan) seorang artis dia mesti menyampaikan benda yang hak.(Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) Kita bukan nak cerita yang cantik-cantik bukan nak cerita yang bukan-bukan kerana untuk jual yang ini berlaku kat Malaysia dalam bidang *painting* [lukisan]. Dalam bidang arca masih macam dulu jugak bidang arca dari segi persaingannya tidak setinggi *painter* [pelukis] *painting* [lukisan] sebab yang saya cakap tadi faktor *market* [pasaran] sekarang tengah boom (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan)



sebab kalau tengok artis artis Cina artis Melayu sekarang ni suk - - *Trend* [Tren] (Meletakkan tangan kiri di mulut) buat gambar-gambar perempuan pakai baju tidur, buat nipis-nipis dan *graduate* [graduasi] ITM terikut banyak. (Gangguan bunyi ketukan).

**NAA : Termasuk jugak ke macam yang lukis komik?**

RZ : Bukan-bukan ni bukan komik (Menggelengkan kepala) ni banyak lukis figure kerana apa kerana faktor *market* [pasaran] tadi (Gangguan bunyi motor lalu) sebab orang-orang China [sic, Cina] tak peduli market kalau kat Hong Kong dia tak peduli punya dia nak tengok dia kata “Malaysia kenapa takde buat *nude* [bogel]? Kenapa takde buat figure [bentuk]?” kita memang tak bagi sebab islamik punya islamik kekangan. Tapi ramai artis yang buat macam tu kerana faktor yang ini berlaku dalam *painting* [lukisan]. Dalam arca macam saya cakap tadi persaingan (Gangguan bunyi ketukan dan hon kereta) memang agak kurang. Sebab apa satu sebab arca ni tak se popular [Disukai ramai] dua [2] dimensi collector - - [Pengumpul] pengumpul-pengumpul bersiri pun tidak terlalu ghariah sangat nak ambik arca hanya beberapa saja di Malaysia Fakhruddin [seniman], Raja Ahmad [seniman], orang-orang yang *familiar* [biasa] ni saja yang suka kan arca. Yang kedua nya kenapa persaingannya kurang arca dia punya tema (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) dia punya konteks berat- kalau macam ni ringan ada jugak (Tangan kiri menunjuk karya) tapi kalau yang sia-sia ni cerita dia berat, berat (Tergelak kecil) tapi kalau dalam *painting* [lukisan] ni dia ada dipanggil manis-manis, warna cantik-cantik buat yang lawa-lawa (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) tapi arca ni tak semuanya lawa konsep ni masih terpakai di Malaysia pada pendapat saya (Tunjuk diri sendiri) dan ini menyebabkan persaingan di bidang (Tangan kiri berhampiran mulut) *painting* [lukisan] sekarang tengah hangat persaingan (Kedua tapak tangan dirapatkan bersama) berlaku dalam arca macam saya kata saya ulang sekali lagi dia tidak ada sangat persaingan terutamanya dalam seni arca awam. Seni arca awam ni lagi tiada persaingan (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) tetapi tanggapan artis-artis muda sebab saya memang banyak berdialog dengan artis muda dia kata “asyik-asyik Ramlan [seniman] je dapat asyik-asyik Dr. Rosli [seniman] je dapat buat arca

ni arca awam” ada jugak timbul isu ni apa yang saya boleh *sharing* [berkongsi] dengan diaorang saya kata begini (Menelan air liur) “*you* [awak] tak pernah terlibat dengan arca awam?” langkah pertama *you collaborate* [awak bekerjasama] dulu dengan orang orang yang dah *establish* [rasmi].

**AZ : Yang ada nama.**

RZ : *You* [Awak] duduk dengan Ramlan *you* [awak] duduk dengan saya buat *work* [kerja] dulu lepas tu *you* [awak] cari *networking* [hubungan sosial] orang muda umur tiga puluh lima [35] tahun nak jumpa Majlis Daerah contoh pun tak reti lagi nak buat paperwork pun tak tahu lagi ni saya kat kurang *entrepreneurship* [keusahawanan] tadi diaorang takde. Jadi untuk arca awam persaingannya takde artis muda pun memang jarang dapat kerana faktornya itu. Dia tak kita faham dia ta-kde *networking* [hubungan social]. *So* [Jadi] saya kalau pergi mana mana saya buka *welcome to* [selamat datang ke] Rosli Zakaria kita boleh *collebrate* [Bekerjasama] mana mana. Macam tu *so* [jadi] itu ceritanya. Jadi *compete* [bersaing] (Gangguan bunyi ketukan) memang takde sangat. Ok. (Meletakkan tangan kiri di mulut)

**AZ : (Bunyi helaian kertas diselak) Seterusnya kalau encik diberi peluang untuk mempromosikan warisan seni arca bagaimana caranya? apa yang encik nak buat? (Gangguan bunyi ketukan)**

RZ : (Bunyi klik pen) Satu saya memilih arca awam (Membetulkan kedudukan) sebab arca awam saya pilih saya lebih suka - - sebab - - (Tangan kiri diletakkan di mulut seperti berfikir) bukan arca saja *art* [seni] ni dua benda yang penting perlu ada *form and content* [bentuk dan kandungan], bentuk dan isi jadi saya lebih suka melihat pada isi itu apa yang kita nak sampaikan bentuk ni saya tak kisah sangat (Gangguan bunyi ketukan) kita jangan terlampau tergantung - - tidak semestinya nak cerita pasal warisan nak cerita pasal tradisi kita mesti mengambil objek-objek tradisi. Sekadar objek ambil keris, ambil tudung periuk dia tak macam tu walaupun konon- kita lebih dekat dengan warisan tetapi biar dia abstrak pun takpe dia moden tetapi dalam pengisian dia membawa pengisian nilai nilai warisan. Contohnya kalau dekat

Malaysia kalau - - Sekarang ni kita tengah nak bina satu [1] arca di sini - - so [jadi] saya melihat apa kepentingan Melaka [Malaysia] melihat *local* [tempatan] lokaliti tu penting (Bercakap sambil melakukan pergerakan tangan) kita panggil kearifan *local* [tempatan] perlu diangkat itu yang saya nak kalau nak buat kita nak mengangkat warisan ni kita nak mesti melihat perkara perkara nilai nilai yang masih masyarakat banyak gunakan yang boleh membawa negara positif. Contohnya konsep gotong-royong so [jadi] macam mana saya nak mengangkat nilai warisan gotong-royong ni? Saya sa-ya (Gangguan bunyi ketukan) bukan tak suka saya tak nak mengangkat objek-objek warisan tu (Tepuk tangan) kita bukan soal nak angkat keris nak angkat tu orang kalau cerita pasal tradisi dia nampak objek je saya tak nak macam tu saya nak tengok yang kita panggil apa *culture* [budaya] tidak ketara tadi gotong-royong, soal hormat menghormati, soal bersatu padu nilai-nilai warisan (Gangguan bunyi ketukan) kehidupan yang kita kena angkat bukan balik-balik nak angkat orang pakai songkok, buat lemang, buat ketupat ok takde masalah tapi kita sebagai seorang peng - -

NAA : Tapi itu macam dah *familiar* [Biasa].

AZ : Tarik benda baru.

RZ : Ya - - (Tangan kiri dipipi) kita seorang artis yang berpendidikan *education* so [jadi,pendidikan] saya fikir yang itu lebih kedepan so itu soalan awak saya nak buat kalau - - sekarang saya pun dah buat kearah mengangkat budaya budaya warisan dalam konteks budayanya dari konteks *culture* [budaya] atau benda yang sama *historical* [bersejarah] keagamaan (Bercakap sambil tangan kiri bergerak-gerak) yang (Gangguan bunyi ketukan) bukan *hidden* [tersembunyi] yang tidak ketara yang tidak boleh di - - yang bukan hanya memaparkan objek (Tangan kanan diangkat ke atas). Itu yang berlaku sekarang dangkal tepak sirih, kacip pinang tengok kalau pergi Melaka [Malaysia] kompiang alamak.

AZ : Betul.

RZ : Saya tak nak macam tu. Saya mengangkat yang macam - - nak buat bersatu teguh bercerai roboh jugak macam ni lebih kurang tapi dalam konteks musim Covid (Kedua-dua tapak tangan dirapatkan). Macam mana Covid? Saya buat tiga [3] - - ni dua [2] saya buat tiga [3] gambaran tiga [3] *distreet* [Budi bahasa] negeri Melaka [Malaysia]. Gambaran-gambaran ranting kayu (Gerakkan tangan membentuk ranting kayu) jugak saya buat dalam beberapa orang. *So* [Jadi] maknanya saya mengangkat konsep bersatu teguh untuk berjaya mengatasi apa? Memerangi Covid sebab nilai tu yang penting nilai ni yang takde di Europe [Eropah] yang menyebabkan awal awal dulu dia kecundang. Tapi kerana kita mengangkat nilai positif bersatu nilai menurut perintah nilai nilai positif ni kita mungkin boleh berjuang untuk memerang Covid saya sa-ya bila saya bentangkan CM saya dia setuju sangat buat macam satu arca mengingat mengingati tentang Covid. Arca yang *respon* [bertindak balas] tentang Covid (Bercakap sambil tangan kiri bergerak-gerak) dalam konteks yang positif. Tu kut kalau nak menjawab soalan awak saya lebih ke situ. Faham. Mengangkat warisan yang begitu bukan lagi buat keris. Ada keris intipati dia tapi bukan la buat keris macam keris.

**NAA : Bukan keris semata ada campur *element* [unsur] lain. (Bercakap sambil tangan kanan bergerak-gerak)**

RZ: Ye - - (Menganggukkan kepala)

**AZ : (Tangan kanan menyentuh dahi) Dari situ nampak encik pun memang fikir warisan seni memang perlu dikekalkan untuk masa masa akan datang.**

RZ : (Tangan kiri cubit pipi) Wah memang kena sangat memang kena sebab jangan lihat secara rufiah. Jangan lihat gambar *painting* [lukisan] macam ni (Tangan kiri tunjuk ke atas) tengok macam ni apa nak kekalkan karya *sculpture* [arca] apa gambar naga nak kekalkan tanpa membaca nilai warisan yang nak dibawak sebab bagi saya nilai budaya dan warisan yang saya nak bawak bukan secara *direct* [terus] macam nak buat gambar tikar (Bercakap sambil tangan kiri bergerak-gerak) baru kata nak "ouhh simpan ni" kita angkat. Tak. *So* [Jadi] arca awam ini mesti dijaga ataupun dinaikkan taraf naik taraf sebagai nilai warisan negara baru orang nampak banyak

kalau *you* [awak] tengok sekarang yang dah hampir-hampir dekat (Gangguan bunyi motor lalu) arca Syed Ahmad Jamal [seniman] yang ya-ng dipanggil apa tu? Pergerakan di apa nama laman apa? (Tangan kiri di dahi sambil cuba mengingati) Tasik Perdana [Kuala Lumpur, Malaysia] arca Ramlan [Ramlan Abdullah, seniman] sendiri (Tangan kiri di mulut) arca-arca Arrifin [Arrifin Mohd Ismail, seniman] ramai [Cis, Banyak] di KL [Malaysia] dah bertahun dah boleh diangkat tak pun bina binaan yang ada kaitan dengan arca kalau di Melaka [Malaysia] *fountain* [air pancut] itu British punya tapi cari yang nilai-nilai kita jangan ingat nilai kita keris tu sa-ya (Gangguan bunyi ketukan) risau yang itu bukan macam tu nilai nilai yang boleh - - dia biar bentuk dia abstrak orang luar tengok faham takpe tapi nilai dia tu karya nilai warisan kita nilai yang mengangkat budaya kita sebagai warisan negara jangan secara rufiah warisan negara mesti macam ni tak-- arca abstrak ke arca yang realistik pun boleh takde masalah kalau nak buat ada satu contoh kalau kita tengok jalan apa? Hang Kasturi [Kuala Lumpur, Malaysia] kat KL [Malaysia] persimpangan gambar sepak raga, bol - -

NAA : **Bola.**

RZ : Sepak raga tapi dia buat dalam bentuk *art* [seni] boleh. Takde masalah angkat. Itu dia (Gangguan bunyi ketukan) (Bunyi klik pen).

NAA : **Apakah harapan encik dalam bidang arca ni untuk generasi baru, masyarakat? Harapan.**

RZ : Saya tak harap dulu kat generasi muda ni dulu. Harapan pertama kepada pemerintah. Pemerintah supaya mereka ada kesedaran *you* [awak] tahu isu baru isu ni bukan arca tapi isu galeri Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] tutup. Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] ada satu [1] galeri *art* [seni] antara galeri yang *established* [Ditubuhkan] kat negara kita minggu lepas dah viral galeri Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] akan tutup. Takde dah so kami persoalkan “kenapa tutup?” Sebab sepatutnya Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] satu badan bergerak paling banyak wang apa semua dia orang yang patutnya mempertahankan budaya dengan konteks *art* [seni].

**AZ : Betul.**

RZ : Mempertahankan warisan macam awak cakap ni dalam konteks *art* [seni]. Menggunakan *art* [seni] sebagai *tools* [peralatan]. Jadi buat semua ni *art* [seni] sebagai alat untuk menaikkan warisan kita. Itu saja sebenarnya jadi Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] sepatutnya macam tu jugak jadi kalau saya harapan orang orang seperti Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia], korporat yang besar kerajaan-kerajaan tempatan khususnya sebab mereka ni ada duit mereka ni yang patutnya berfungsi untuk melestarikan arca awam. Diaorang ni kalau diaorang ada kita ni kat Malaysia berbeza bukan dari *bottom top* [bahagian bawah] *top down* [atas ke bawah] kalau dari kecik kata “Jangan jangan” orang atas diam. Tapi kalau orang besar kata “besok aku hendak” terus jadi. Jadi itu sebab sekarang ni kalau saya lihat kalau kita perkasakan anak anak muda pun diaorang dia-orang tak faham pun diaorang bukan tahu nak buat buat belom ada.

**AZ : Belom ada tempat nak kenal.**

RZ : Tapi kalau contohnya taman rekreasi aku cakap “nak buat satu [1]” dia kata “kita buat sepuluh [10] Dr.” boleh. Bila dah ada diaorang yang mulakan baru orang luar nampak, baru anak muda nampak “Ouh Majlis buat banyak” dia kata. Tapi kalau kita terus jumpa cakap “anak muda kau kena buat *sculpture* [arca]” dia cakap “apahal *sculpture* [arca] nak letak kat mana?” tapi Majlis Tempatan, Kerajaan Tempatan (Bunyi klik pen), Kerajaan Negeri, korporat-korporat besar Sime Darby [Syarikat perdagangan Malaysia] contohnya Petronas [Syarikat minyak dan gas Malaysia] dulu banyak dulu diaorang labur ke sukan okay kita ki-ta tak marah. *You* [Awak] bayangkan kalau seratus lima puluh ribu [150 000] katakan berapa sen nau cukai dia letakkan baru-baru ni saya ada pertandingan awam Johor [Malaysia] awak buka dia punya *website* [laman web] (Bunyi pemberitahuan telefon) saya uruskan sampai satu pertandingan arca awam negeri Johor [Malaysia] hadiah utamanya dua puluh ribu [20 000] tak pernah orang buat sampai dua puluh ribu [20 000] saya buat dua puluh ribu [20 000] diaorang sejutu warisan dan dah ada pemenang, sampai sekarang masih di pameran lagi saya cakap dengan Kerajaan Tempatan “jangan cari duit kau cari duit

korporat”. Kita dah ada macam model nak bina besar cari *sponsor* [penaja] letak nama dia. Melaka [Malaysia] banyak kat Alor Gajah [Melaka, Malaysia] Honda syarikat ada buat *problem* [masalah] nya pulak dia tak nak cari orang betul untuk buat dia cari orang kontraktor yang tak berapa pasal *art* [seni] *so* [jadi] dia buat bentuk yang tak *art* [seni] sangat tapi duit dia bagi. Sekarang ni Kerajaan Tempatan mesti kena sedar boleh dapat kat mana mana *sponsor* [penaja] dari mana mana tolak cukai bukan tak tolak cukai. Kesedaran kena ada *so* [jadi] harapan saya yang itu. Itu dulu kemudian tu harapan jugak kepada pendidik mungkin di Universiti, di sekolah sekolah siapa lagi ejen yang sebarikan maklumat kita, mereka. *So* [Jadi] mereka harus mendapatkan ilmu dia tak semua orang *art* [seni] tahu pasal *sculpture* [arca] tak buat *sculpture* [arca] tak tahu tapi sekurang-kurangnya *basic* [asas] itu ada dan cikgu-cikgu di sekolah bukan sekadar mengajar tanpa pratikal jadi harapan mereka boleh pergi jugak. *Deliver* [Menyampaikan]- bersama sama *deliver* [menyampaikan] jangan - - sebabkan dia kadang kadang kelakar dulu aku pun fikir aku siapa semua orang fikir macam rupa-rupanya tidak bila kita dah terlibat dalam bidang tu kita rasa kita antara orang yang pakar takpe jalan. Cikgu-cikgu pun sama yang jadi cikgu ada belajar di ITM berseparah separah perempuan kau tu pakar orang nak dengar apa kau cakap bukan kau takut aku ni pengarca nak cakap tak sebab kawan-kawan sekolah saya kalau jumpa “Dr. apa ni geng geng ITM jadi cikgu suruh lukis kat depan pun takut” saya tanya dia “yang jadi cikgunya siapa?” dia yang bagus *fine art* [seni halus] (Bunyi pemberitahuan telefon) kat arca ni banyak dia ada *fine art* [Seni halus] grafik, *design* [reka bentuk] yang betul *pure* [tulen] pasal *art* [seni] ni *Fine Art* [seni halus], jadi yang mungkin ada *fashion textile* [tekstil fesyen] budak budak yang lulusan mereka ni memang tak ta-k terlatih untuk buat kerja kerja - - disekolah belajar pasal *fine art* [Seni halus] buat lukisan buat *drawing* [melukis] buat *painting* [lukisan] (Ketawa kecil) buat *art sculpture* [seni arca] tapi takpa lesen ITM besar bila sebut “kau dari ITM *Art and Design* [Seni dan reka bentuk]” dia tak tanya “kau dari seramik ke apa?” *so you* [jadi awak] kena belajar tambah ilmu.

**NAA : Cari lagi ilmu yang ada.**

RZ: Ya, itu dia dan akhir sekali baru kepada masyarakat. Kepada masyarakat ni saya berfikir.

NAA : **Hargai.**

RZ : Kena hargai caranya ikut sesuatu program. Saya sekarang dengan geng geng buat satu program. Program bersama masyarakat. *Art* [Seni] bersama masyarakat atau pun dipanggil seni komuniti. Seni komuniti kita boleh lebas [Cis,Sebar] sebar luas perkara-perkara tentang arca. Sebab arca tak ta-k lari dari masyarakat dalam konteks, dulu kalau kau tengok diaorang suka buat pagola [hasil karya] suka buat pagar dia suka buat tugu-tugu yang kipas - - kapal terbang kat rumah rumah diorang hias maknanya orang dulu dah nampak benda ni benda tiga [3] dimensi sesuai rumah rumah diorang kalau kau tengok tangga dia ada ukir-ukir sikit perahu ada kepala perahu pokok kelapa ada ukiran dulu - - orang lama lama dulu memang terlatih tapi diorang nampak kraf tapi kraf tiga [3] dimensi *so* [jadi] arca tiga [3] dimensi dah ada di sekitar masyarakat kita harap boleh bergerak dengan bantuan orang orang faham. *So* [Jadi] empat [4] hal tu saya harap harap berlaku. Kalau kerajaan dah okay. Cantik. Kalau tidak kerajaan, sekolah, masyarakat. Baru *best* [seronok]. Itu saja jawapannya. (Lega) Ok.



### **Skrip penutup**

**Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang seni warisan arca awam bersama Dr. Rosli Bin Zakaria. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni warisan arca para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

LOG  
TEMUBUAL

## 6.0 LOG TEMUBUAL

VIDEO	LOG	TOPIK	
1	00:40 - 05:44	Pengenalan diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rosli bin Zakaria.</li> <li>• 57 tahun (27 Ogos 1964).</li> <li>• Seorang pengarca dan pensyarah kanan dalam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di UiTM, Cawangan Melaka.</li> <li>• Dilahirkan di Kluang, Johor.</li> <li>• Mempunyai PhD, Master, Degree, Diploma dan Sijil Perguruan.</li> <li>• Moto : Bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap pekerjaan dan sentiasa berpandukan al-Quran dan Hadis.</li> </ul>
1	05:46 - 08:13	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Keluarga</li> <li>❖ Perkahwinan</li> <li>❖ Anak-anak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dibesarkan di Felda Semenchu, Kota Tinggi, Johor oleh ibu bapa.</li> <li>• Mempunyai 3 orang adik beradik.</li> <li>• Keluarga menjadi dorongan untuk beliau menceburi bidang seni.</li> <li>• Beliau telah berkahwin dan dikurniakan 3 orang anak.</li> </ul>
1	08:15 - 13:28	Maksud warisan seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warisan merujuk kepada sejarah, bahan-bahan peninggalan sejarah manakala konsep seni pula luas (seni visual, seni persembahan, seni suara, seni lakonan).</li> <li>• Warisan seni ini perlu dijaga, dilestarikan kerana ia mempunyai nilai-nilai yang patut diangkat.</li> <li>• Warisan seni membawa satu nilai yang boleh dikongsi bersama.</li> <li>• Dalam <i>art</i>, 50 tahun usia karya itu baru boleh diangkat menjadi satu warisan seni.</li> <li>• Usaha untuk mengangkat seni sebagai satu nilai warisan perlu ada sistem yang lebih terbuka atau lebih mantap.</li> </ul>
1	13:30-16:22	Waktu mula	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula mengenali bidang ini pada</li> </ul>

		mengenal tentang arca	<p>tahun 90-an ketika melanjutkan pelajaran di ITM.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Perkembangan seni arca di Malaysia agak lewat (Bermula pada tahun 60-an)</li> <li>● Orang luar yang memulakan perkembangan tentang seni arca ini di Malaysia.</li> <li>● Banyak arca yang orang luar telah hasilkan pada ketika itu dengan tujuan propaganda.</li> <li>● Mendapat ilmu dari senior-senior (Zakaria Awang, Ariffin Ismail, Ramlan Abdullah, Mad Anuar, Tengku Sabri dll) setelah mereka pulang belajar dari luar negara.</li> <li>● Hasilnya, perkembangan arca meriah dalam era 90-an.</li> </ul>
1	16:24 - 17:55	Idola dalam bidang arca	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Guru dijadikan sebagai idola.</li> <li>● Mendiang Joseph Tan yang merupakan seorang pensyarah suatu ketika dahulu mula memperkenalkan tentang seni arca.</li> <li>● Seniman lain yang turut menjadi idola beliau seperti Ramlan Abdullah, Zakaria Awang, Ariffin Ismail, Zulkifli Yusoff.</li> </ul>
1	17:57 - 26:00	Keunikan arca	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Arca awam ialah satu arca yang konteksnya di luar galeri, di luar ruang galeri berpameran. Berada di tempat terbuka.</li> <li>● Penontonnya adalah orang yang berlalu di sekitar kawasan di mana arca itu dibina.</li> <li>● Arca boleh menjadi sebagai ikon budaya, ikon politik, ikon sejarah atau menjadi mercu tanda sesuatu lokaliti.</li> <li>● Setiap arca mempunyai maksud yang hendak disampaikan oleh pengarca kepada orang awam.</li> <li>● Penghasilan sesebuah arca perlu mengikut kehendak <i>ownership</i>.</li> </ul>

1	26:02 - 30:00	Kepentingan arca awam kepada anak muda dan masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada satu kajian yang telah dibuat di Singapura menyatakan bahawa “Sekiranya masyarakat umum termasuk orang muda memahami tentang arca, nilai vandalisme akan turun”.</li> <li>• Pengetahuan tentang arca dapat menambah baik nilai sikap seseorang.</li> <li>• Membuat projek membina arca dan menjemput anak muda dan orang kampung untuk berkolaborasi.</li> <li>• Untuk sama-sama terlibat untuk menolong dalam pembinaan arca tidak perlu mempunyai kemahiran yang khusus.</li> <li>• Pemahaman tentang seni secara menyeluruh penting untuk difahami oleh orang muda supaya mereka nampak potensi untuk berkecimpung dalam bidang seni walaupun kurang kemahiran.</li> </ul>
1	30:22 - 32:22	Adakah menyambung legasi keluarga dalam bidang seni?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbuatan mengarca (bertukang) merupakan perbuatan tradisi yang ada dalam warisan keluarga.</li> <li>• Bibit-bibit minat muncul apabila beliau sering melihat bapa dan datuknya bertukang.</li> </ul>
1 2	32:23 - 32:47 00:01 - 02:01	Adakah tokoh akan pastikan anak-anaknya meneruskan legasi penghasilan seni arca?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bersifat terbuka dan tidak menentukan apa yang anak-anaknya perlu buat (sentiasa sokong minat anak-anak).</li> <li>• Berpandangan bahawa ramai anak-anak didik beliau yang akan terus meneruskan bidang seni ini.</li> <li>• Walaubagaimanapun, kursus dan kerjaya yang dimiliki oleh anak-anaknya tidak lari jauh dari bidang seni dan dapat membantu beliau untuk memasarkan karya (arkitek, masscomm)</li> </ul>
2	02:01 - 02:59	Dorongan dan sokongan dari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluarga menjadi sebagai sokongan dan dorongan untuk terus berjaya</li> </ul>

		keluarga	<p>dalam segala perkara yang beliau lakukan termasuk juga kerjayanya.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Utamakan keluarga dalam setiap hal.</li> </ul>
2	02:59 - 10:35	Pengalaman menghasilkan arca	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sewaktu menyambung pengajian di ITM ketika berusia 26 tahun, beliau baru belajar tentang seni arca.</li> <li>● Banyak bergaul dengan para pensyarah dan senior untuk bertanya tentang <i>art</i>.</li> <li>● Sewaktu semester 2 pengajiannya, beliau telah menyertai pertandingan '<i>Construct to Vision 2020</i>' yang dianjurkan oleh Balai Seni Negara dan ISETAN, dan beliau telah memperoleh anugerah utama yang pertama dalam bidang arca.</li> <li>● Sebelum itu, beliau ada juga menghasilkan arca tetapi tidak dipamerkan dan tidak mendapat kemenangan.</li> <li>● Bergiat cergas dalam bidang penghasilan arca ketika masih belajar kerana itu dapat menentukan seseorang boleh jadi pengarca atau tidak.</li> <li>● Banyak menyertai pameran dan pertandingan menghasilkan arca walaupun masih sibuk belajar.</li> <li>● Hasilnya, beliau ada lebih kurang 10 pameran, pameran berkumpulan dan memperolehi beberapa anugerah utama.</li> <li>● Walaupun ketika menjadi cikgu, beliau membelanjakan gaji untuk membeli kelengkapan untuk membuat arca seperti mesin.</li> <li>● Menghasilkan arca secara solo dan tidak lama selepas itu beliau memenangi anugerah utama di peringkat antarabangsa.</li> <li>● Sering menyertai pameran-pameran yang diadakan di dalam dan di luar negara.</li> </ul>

2	10:38 - 14:40	Pengalaman bina arca tidak menjadi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Beliau berpengalaman dalam membina arca yang tidak menjadi dan ada juga orang yang tidak mengambil arca yang telah dibuat.</li> <li>● Banyak berurusan dengan syarikat-syarikat dan juga kerajaan namun ada kalanya tidak diterima.</li> <li>● Perlu memahami dengan betul apa yang <i>ownership</i> mahukan.</li> </ul>
2	14:41 - 17:30	Jenis Arca	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Seni awam dipecahkan kepada lapan pecahan antaranya ialah seni arca, seni mural, seni berfungsi.</li> <li>● Arca mestilah ada maksud yang ingin disampaikan oleh pengarca bukan sekadar penghasilan seni semata-mata.</li> </ul>
2	17:32 - 19:22	Arca yang telah dihasilkan : <ul style="list-style-type: none"> <li>- Individu</li> <li>- Kolaborasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Beliau telah menghasilkan hampir 20 arca awam (Arca individu yang dihasilkan secara kolaborasi).</li> <li>● Hal ini kerana, dalam proses untuk membina sesebuah arca mesti akan melibatkan ramai tenaga kerja seperti untuk kerja-kerja mengangkat.</li> <li>● Beratus arca individu yang telah dihasilkan.</li> </ul>
2	19:23 - 20:59	Motif arca yang dibina	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pengarca berkelebihan dalam memberi respon kepada situasi.</li> <li>● Setiap arca mempunyai cerita tersendiri walaupun mungkin ia menggunakan kaedah, bahan atau ciri-cirinya yang sama.</li> <li>● Walaubagaimanapun, setiap individu pastinya mempunyai pandangan atau pemahaman yang berbeza-beza setelah melihat sesuatu seni arca namun itu semua tidak salah.</li> <li>● Seni yang dihasilkan mestilah sentiasa berkembang.</li> </ul>
2	21:02 - 25:48	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tercabar fizikal dan mental.</li> <li>● Tekanan untuk menyiapkan arca</li> </ul>



			<p>dalam tempoh yang singkat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemilihan berdasarkan kertas kerja.</li> <li>● Beliau menggunakan kemahiran yang ada untuk memastikan sebuah arca itu berdiri teguh.</li> </ul>
2	25:52 - 27:44	Tempat penyimpanan hasil karya	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dulu beliau simpan di galeri.</li> <li>● Jika tiada permintaan beliau lebih gemar menghasilkan arca meja.</li> <li>● Kini, di bengkel bingkai gambar dan di rumah.</li> <li>● Beliau memilih bengkel kerana banyak melakukan kerja-kerja dengan besi.</li> </ul>
2	27:48 - 31:13	Peralatan khas dan kaedah pembuatan arca	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kaedah pertama deduction (Potongan)</li> <li>● Alat kimpalan (welding)</li> <li>● Kaedah kedua addition (Tambahan)/ construction (pembinaan)</li> <li>● Pahat dan penukul</li> <li>● Kaedah ketiga modeling (Model)</li> <li>● Bahan yang mudah lentur dan liat seperti tanah liat atau plastisin.</li> <li>● Kaedah keempat casting (Acuan)</li> <li>● Pelebur dan besi atau gangsa</li> <li>● Berbeza kaedah menyebabkan perbezaan teknik dan peralatan.</li> </ul>
2 3	31:14 - 33:11 00:18 - 5:23	Perubahan saat akhir pada karya <ul style="list-style-type: none"> <li>- Proses pembuatan</li> <li>- Pemberian nama</li> <li>- Karya lakaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Beliau menggalakkan anak muda atau pengarca melakukan lakaran sebelum menghasilkan karya.</li> <li>● Lakaran adalah CPU seorang artis dan sebagai kumpulan data.</li> <li>● Tidak semestinya hasil karya sepenuhnya seperti lakaran dan lakaran boleh berdiri sebagai hasil karya lakaran.</li> <li>● Beliau menghasilkan siri Corona, menganjurkan program 'Borak Arca' di Facebook dan 'King belum Checkmate'.</li> </ul>
3	6:54 - 12:48	Bahan penghasilan arca awam <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempoh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penggunaan bahan mesti mengambil kira faktor jenis-jenis bahan, daya tahan bahan dan keselamatan orang</li> </ul>



		penghasilan arca	<p>yang menggunakan bahan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat bahan seperti keluli lembut, besi tahan karat, papan, bronze, marble, kuari, batu kapur.</li> <li>• Arca awam yang dihasilkan bergantung pada saiz dan prosedur tertentu.</li> <li>• Biasanya 3 bulan ke 5 bulan, ada juga yang mengambil masa sehingga 2 tahun dan tidak dinafikan juga karya boleh disiapkan dalam tempoh 3 hari.</li> </ul>
3	12:58 - 22:06	<p>Pencapaian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Perasaan mendapat anugerah pertama</li> <li>- Target tercapai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau memperolehi 13 penghargaan dan bukan sekadar arca.</li> <li>• Beliau banyak menyertai pertandingan, terima jemputan ceramah, menganjurkan program-program comity.</li> <li>• Gembira, kongsi kegembiraan bersama keluarga, berbakti kepada penduduk kampung felda.</li> <li>• Beliau bersyukur dengan pencapaian yang sedia ada. Namun, beliau fokus berkongsi ilmu kepada orang ramai sama ada dalam negara atau pun di negara jiran.</li> <li>• Beliau banyak berkongsi ilmu tentang arca, perkembangan tokoh-tokoh.</li> </ul>
3	23: 40 - 23:41	<p>Menjana ilham</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Putus asa</li> <li>- Berbeza pendapat dengan pengarca lain</li> <li>- Saingan dalam bidang arca</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau berpendapat idea sudah terkumpul lama di minda cuma masa yang sesuai untuk menzahir dalam bentuk lakaran.</li> <li>• Beliau juga mempunyai pandangan ilham boleh hadir di depan TV, duduk-duduk saja di meja, termenung memikirkan idea atau secara spontan ketika penghasilan arca.</li> <li>• Sebagai manusia biasa mengalah itu perkara biasa namun mengalah bukan berarti tidak meneruskan tetapi berkemungkinan mulakan penghasilan karya yang baru.</li> </ul>

			<ul style="list-style-type: none"> <li>● Saingan semestinya ada dalam apa saja bidang yang diceburi, namun dalam bidang arca tidak terlalu sengit berbanding karya lukisan.</li> <li>● Karya lukisan mendapat tempat dalam hati anak muda dan graduate lepasan Universiti.</li> </ul>
4	3:38 - 7:12	<p>Sumbangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Peluang mempromosikan warisan seni arca</li> <li>- Warisan seni yang perlu kekalkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengisi nilai warisan dalam hasil karya contoh konsep yang mudah seperti bersatu teguh bercerai roboh.</li> <li>● Beliau berhasrat untuk mengangkat budaya warisan dalam konteks culture, historical dan agama.</li> <li>● Beliau juga mengambil peluang yang ada untuk menghasilkan karya dalam konteks musim Covid.</li> </ul>
